AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

فليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 6 | RABU 11 FEBRUARI, 1987. | رابو 11 جمادي‌الاخير 1407 | PERCUMA

## Penghantaran minyak ke Afrika Selatan

# Bertentangan dengan dasar Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghantaran minyak negara ini ke Afrika Selatan adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

Dalam satu laporan akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri minggu lalu berkata dari penyiasatan yang dibuat, kerajaan mendapati Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad pada setiap masa mematuhi dengan ketat dasar kerajaan terhadap larangan penghantaran minyak ke negara berkenaan.

Kenyataan itu menjelaskan sekatan-sekatan juga dikenakan kepada destinasi-destinasi yang sesuai dalam kontrak syarikat tersebut bagi penjualan minyak.

"Sekatan-sekatan destinasi ini telah dan seterusnya diterima oleh kesemua pelanggannya," jelas kenyataan itu lagi.

Bagaimanapun menurut laporan itu, pihak kerajaan tidak dapat mempastikan sama ada sebarang minyak mentah negara ini sebenarnya telah sampai ke Afrika Selatan.

Menurut kenyataan itu, sebarang minyak dari negara ini yang sampai ke Afrika Selatan hanyalah dilakukan bertentangan dengan dasar kerajaan yang juga mencabuli kewajiban dalam kontrak yang telah dikenakan oleh pelanggan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad terhadap pembelian mereka yang seterusnya.

Kenyataan akhbar tersebut dibuat berikutan laporan dari sebuah akhbar yang mengatakan bahawa minyak dari negara ini ada yang sampai ke Afrika Selatan baru-baru ini.

Berikut ialah laporan penuh kenyataan akhbar berkenaan:

**KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil berat terhadap Laporan Akhbar yang mengatakan bahawa minyak dari Brunei Darussalam ada yang sampai ke Afrika Selatan adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan. Penyiasatan dari pihak Kerajaan mendapati bahawa Syarikat Brunei Shell Sendirian Berhad pada setiap masa mematuhi dengan ketat dasar Kerajaan terhadap larangan ke atas penghantaran minyak ke Afrika Selatan dan mengenakan sekatan destinasi yang sesuai dalam kontraknya bagi penjualan minyak. Sekatan terhadap destinasi ini telah dan seterusnya diterima oleh kesemua pelanggannya.**

**Penyiasatan yang kami buat juga tidak dapat mempastikan sama ada sebarang minyak mentah dari Brunei Darussalam sebenarnya telah sampai ke Afrika Selatan. Sebarang minyak dari Brunei Darussalam yang sampai ke Afrika Selatan hanyalah dilakukan bertentangan dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang juga mencabuli kewajipan dalam kontrak yang telah dikenakan oleh pelanggan Syarikat Minyak Shell Brunei terhadap pembelian mereka yang seterusnya.**



KELIHATAN Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner berbual mesra dengan Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Reimut Jochimsen, Menteri Ekonomi Kelas-Kelas Pertengahan dan Teknologi, State of North-Rhine Westphalia, Republik Persekutuan Jerman. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## Sambutan Hari Kebangsaan:

# Acara diadakan sederhana

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hanya tinggal sebelas hari saja kita akan menyambut ulangtahun ketiga Hari Kebangsaan negara kita.

Usaha ke arah persediaan menyambut ulangtahun Hari Kebangsaan ini telah pun kita nampak seperti pembinaan pintu-pintu gerbang di samping poster Hari Kebangsaan terbitan Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang telah pun disebarkan untuk tontonan orang ramai.

Sambutan tahun ini akan dilakukan secara sederhana iaitu tidak melebihi sambutan puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kata Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Haji Seruddin, Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang yang juga adalah selaku Setiausaha Bersama

Lihat muka 20

### PETIKAN TITAH

**"Adalah hasrat Beta supaya segala usaha dalam bidang kemajuan yang dirancang serta dilaksanakan oleh Kerajaan Beta akan dirasai nikmatnya oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini."**

*Dititahkan sempena Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang dan Pingat-Pingat Kebesaran di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 15 Ogos, 1981.*

### MANISNYA IMAN

"...DAN hendaklah engkau (hai Ibrahim) memanggil manusia supaya datang mengerjakan haji, nescaya mereka akan menyahut panggilan engkau itu dan mereka akan datang dengan berjalan kaki atau menaiki kenderaan daripada banyak negeri-negeri yang jauh." — Makna ayat 27 Surah Al-Haj.

## Pertumbuhan perdagangan mantap

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perdagangan Negara Brunei Darussalam dengan Republik Persekutuan Jerman dalam tempoh enam tahun kebelakangan ini mengalami pertumbuhan yang perlahan tetapi dalam kadar yang mantap.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie berkata, nilai barangan yang dieksport telah meningkat dari B$100 ribu dalam tahun 1980 kepada B$1 juta dalam tahun 1985.

Menurutnya, hampir keseluruhannya jentera, peralatan dan barangan yang dihasilkan yang dieksport semula.

"Jumah import negara ini juga menunjukkan pertambahan dalam tempoh yang sama dari B$36.2 juta dalam tahun 1980 kepada B$51.9 juta dalam tahun 1985 iaitu pertambahan sebanyak 43 peratus," jelas Datin Hajjah Jusnani.

Beliau menerangkan perkara itu di majlis taklimat mengenai Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun (1980-1990) kepada Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Reimut Jochimsen, Menteri Ekonomi, Kelas-kelas Pertengahan dan Teknologi, State of North-Rhine Westphalia, Republik Persekutuan Jerman dan 27

Lihat muka 20

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

11 FEBRUARI, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## JAWATANKUASA KEBAJIKAN KAMPUNG

JAWATANKUASA Kebajikan Kampung bukanlah hal baru di negara kita. Ianya sudah wujud sejak lama walaupun tidak menyeluruh. Ia berfungsi sebagai saluran berunding dengan penuh persefahaman dan saling hormat-menghormati pendapat masing-masing semata-mata untuk kebajikan dan kebaikan bersama.

Penubuhan jawatankuasa ini memang patut digalakkan. Ia menggambarkan aspirasi rakyat dan penduduk negara kita yang sentiasa mahu dan bersedia terlibat sama dalam memikul tanggungjawab. Dalam pada itu, semangat perpaduan akan dapat dipelihara yang merupakan unsur utama untuk kita terus menikmati suasana kehidupan yang aman, bahagia dan tenteram.

Jawatankuasa ini juga mencerminkan sikap pemedulian anggota masyarakat di kampung-kampung berkenaan. Sikap pemedulian ini perlu dipupuk agar rasa penglibatan kita dalam apa jua perkara, baik projek-projek pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan mahupun perkembangan semasa yang terjadi di kampung itu, akan sentiasa kita perhati bagi memastikan kejayaannya yang sempurna.

Menerusinya juga, mudah bagi penduduk sesebuah kampung merancang serta berunding mengenai suatu perkara yang berkebajikan yang bukan sahaja setakat memberikan cadangan-cadangan serta mengajukan suatu permintaan kepada Kerajaan malah mencari jalan untuk meningkatkan lagi kerjasama bagi memajukan negara.

Peningkatan kerjasama ini dapat didedahkan di peringkat kampung, misalnya dengan cara bergotong-royong membersihkan kawasan balai raya, sekolah-sekolah ataupun mana-mana kawasan yang difikirkan bersesuaian.

Jawatankuasa ini akan mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung dengan Penghulu serta Ketua Kampung yang memudahkan kedua belah pihak mengetahui keadaan dan masalah-masalah setempat. Kita akan bersikap lebih sensitif terhadap apa jua keadaan yang terdapat di kawasan tanggungjawab masing-masing. Sikap sedemikian ini setentunya memberikan sumbangan yang lebih positif dan berkesan terhadap kemajuan kampung di samping sentiasa waspada dan peka terhadap apa jua perkara yang mungkin mencurigakan keamanan. Selain daripada itu, masalah sosial dapat diatasi dengan adanya sikap kekitaan atau 'sense of belonging' yang mendorong semua pihak untuk menghormati adat resam dan nilai-nilai budaya yang menjadi amalan hidup kita.

Sebenarnya, cara menyelesaikan sebarang persoalan melalui permuzakarahan adalah warisan bangsa kita yang sejak turun-temurun. Konsep permuzakarahan terutama melalui jawatankuasa harus dipertahankan dan dipertingkatkan yang nanti mendorong kepada amalan kerja berpasukan, efisien, jujur dan amanah dalam semua bidang jurusan pekerjaan dan kehidupan, yang bersesuaian pula dengan semangat rancangan kemajuan negara dalam membentuk masyarakat kukuh bersatu padu tanpa mengira asal-usul keturunan.

Berkaitan dengan perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda ada menekankan supaya penduduk-penduduk kampung akan sentiasa bermuzakarah, berunding dan bermuafakat bagi mengusai kepentingan bersama terutama melalui Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung. Jadi, penubuhan Jawatankuasa Kebajikan Kampung adalah salah satu jentera yang boleh mendukung semangat yang terkandung dalam titah itu.

# Sembahyang berjemaah di masjid-masjid mulakan perayaan Hari Kebangsaan

Oleh Timbang Bakar

SUASANA sambutan Hari Kebangsaan negara kita sudah mulai terasa. Persiapan-persiapan kini sedang rancak diatur untuk memeriahkan hari yang bersejarah itu, iaitu 23 Februari 1987.

Walaupun acara-acara sambutan tahun ini dijangka akan diadakan secara sederhana sahaja namun kita tetap bersyukur dan bergembira menyambutnya, kerana kita masing-masing faham perayaan-perayaan saja tidak bermakna tanpa kesedaran dan semangat cintakan negara, yang juga sekaligus cintakan raja dan ugama.

Sudah menjadi tradisi kita, dalam berperayaan ataupun berpesta-pestaan soal ugama tidak pernah dilupakan bahkan diberi tempat yang utama. Demikianlah halnya dengan sembutan perayaan Hari Kebangsaan tahun ini, acara keugamaan akan membuka tirai perayaan dengan mengadakan sembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah, bacaan Surah Yassin dan doa di masjid-masjid utama seluruh negara pada 22 Februari.

Acara di majlis-majlis itu juga dijangka akan dihadiri oleh pembesar-pembesar negara sebagaimana juga sambutan pada tahun-tahun lepas.

Memandangkan sambutan perayaan tahun ini dihasratkan secara sederhana sahaja tumpuan perayaan adalah di ibu negara dengan acara kemuncaknya perhimpunan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin. Manakala acara hiburan akan diadakan di sebelah malamnya di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dengan persembahan 'Malam Titian Budaya'.



Antara persiapan yang sedang rancak ialah pemasangan pintu-pintu gerbang, pemasangan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan dan jalan-jalan raya di sekitar ibu negara, menghiasi bangunan-bangunan dan sebagainya.

PINTU gerbang dibina di kawasan Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, tempat berlangsungnya acara kemuncak perayaan hari kebangsaan pada tahun ini (bawah). Sementara gambar atas memperlihatkan salah sebuah pintu gerbang yang dibina di Jalan Berakas. — Gambar oleh Harun Rashid.

### BRUNEI BUMI BERTUAH/TITAH MERDEKA

Negaraku Brunei Darussalam
Makmur dan jaya
Rakyat jujur setia berusaha
Itulah negaraku

Raja payung rakyat dan negara
Berdaulat perkasa
Tempat berlindung isi negara
Brunei bumi bertuah

Wahai pemuda juga pemudi
Anak pertiwi sejati
Berkorban dan berbakti
Untuk Raja, Ugama, Brunei... Merdeka... Merdeka...

Pada Allah kita bermohon doa
Limpahkan kurnia
Kekal subur maju aman dan jaya
Brunei laila merdeka

Bersama menjunjung titah
Membela nusa tercinta
Di seluruh pelusuk penjuru negara
Persada kita jaga

Daratan juga lautan
Warisan peribadi bangsa
Bersatulah kita pertahankan
Dengan tenaga dan jiwa

Hancurkanlah petualang
Yang merosak negara
Majulah ke hadapan
Menyambut seruan ibunda

Wahai bangsaku bersemangat waja
Semaikan di jiwa
Bendera negara berkibar megah
Brunei kekal merdeka

### ALUS JUA DENDANG

Alus jua dendang mengalun dendang katani
Indah bunyinya lambang warisan murni

Dua puluh tiga di bulan Februari
Hari kebangsaan tuah keramat abadi

Seumur hidup kami berikrar berjanji
Berbakti berjasa untuk ibu pertiwi

Alus jua dendang mengalun dendang katani
Indah bunyinya lambang warisan murni
Indah bunyinya lambang warisan murni

## Toleh Pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 6 Mac, 1966 mencatatkan tentang lawatan Dato E.A. Pretty, bekas British Residen Brunei. Dato Pretty memulakan lawatan ke negara ini ialah pada 8 Mac 1966.

Dato Pretty ketika melawat negara ini menyatakan bahawa rakyat negara ini telah mempunyai rumah-rumah yang baik belaka dan bilangan kakitangan Kerajaan pula sudah kebanyakannya terdiri dari anak-anak tempatan.

Dato Pretty menambah kata bahawa negeri Brunei adalah sebuah negara yang cepat berubah terutama sekali perubahan besar bagi penduduk-penduduknya.

## Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1965, satu upacara penyampaian sijil-sijil serta pingat-pingat kepada jururawat-jururawat, bidan-bidan dan juga pembantu-pembantu yang telah menamatkan latihan telah diadakan di bangunan Rumah Sakit Lama di ibu negara.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Almarhumah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Suri Seri Begawan Raja Pengiran Isteri Anak Damit.



## Untuk menjamin negara kita sentiasa aman, makmur dan produktif:

# Strategi pembangunan jangka panjang perlu dikenalpasti

***UCAPAN penuh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan ketika berucap merasmikan mesyuarat agung kali ke-5 Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) yang berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan pada 26 Januari 1987.***



DENGAN perasaan ikhlas, sukacita saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kesemua ahli-ahli PUJA (B) kerana menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung PUJA (B) kali ketiga.

Sebagaimana kita maklumi, PUJA (B) telah pun ditubuhkan tiga tahun yang lalu dengan satu matlamat penting iaitu bagi memaju dan meningkatkan lagi kemampuan bidang-bidang kejuruteraan, senibena dan pengukuran sebagai aspek peningkatan kehidupan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini khasnya. Keahlian PUJA (B) ini dibuka kepada jurutera-jurutera, arkitek-arkitek dan juru-juru ukur yang telah menepati keperluan akademik yang minima di samping telah menjalani latihan-latihan praktikal dalam bidang masing-masing di bawah pengawasan seorang ahli yang berkelayakan dalam jangka sekurang-kurangnya empat tahun dan telah meyakinkan panel pemeriksa yang terdiri dari tiga orang ahli kanan PUJA (B), akan kebolehan dan kelayakan untuk menjadi ahli penuh pertubuhan ini. Dengan ertikata yang lain kemasukan seseorang jurutera, arkitek dan juruukur ke pertubuhan ini merupakan pengiktirafan kepadanya sebagai jurutera, arkitek dan juruukur yang profesional atau berkanun dalam bidang masing-masing. Dalam hal ini timbul tiga persoalan penting yang perlu kita semua sebagai ahli-ahli PUJA (B) patut menghayati dan memahaminya.

* Apa yang kita maksudkan sebagai peningkatan kehidupan rakyat khususnya dalam konteks Negara Brunei Darussalam?
* Apakah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh Jurutera, Arkitek dan Juruukur Profesional atau Berkanun dalam konteks ini?
* Apakah kualiti-kualiti dan sifat yang perlu ada kepada profesional-profesional ini?

### Terjejas

Kita sama-sama menyedari bahawa disebabkan kemalapan ekonomi dunia terutamanya dengan turunnya harga minyak di pasaran dunia, pendapatan negara-negara pengeluar minyak sedikit sebanyak semakin terjejas. Dalam hal ini Negara Brunei Darussalam tidaklah terkecuali. Akan tetapi, walaupun kita menempuh keadaan ini, kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperuntukkan berjuta-juta ringgit dalam Rancangan Kemajuan Negara yang ada pada masa ini untuk membiayai perlaksanaan pembangunan negara. Usaha-usaha pembangunan ini ditumpukan kepada bidang-bidang yang akan dapat mempertingkatkan dan memperkemaskinikan, antara lainnya, aspek-aspek berikut :

* Aktiviti-aktiviti ekonomi yang sihat dan teratur,
* Perusahaan dan perindustrian seperti Agro Industries, manufacturing dan lain-lain,
* Penyediaan perumahan yang mencukupi,
* Menjamin alam sekitar yang sihat dan bersih,
* Penyediaan infrastruktur dan perhubungan yang lebih efisien,
* Penyediaan kemudahan awam yang efisien dap efektif seperti bekalan-bekalan air dan elektrik, tidak kurang pentingnya
* Perkembangan keugamaan dan sosial.

### Mempertinggikan

Kemudahan-kemudahan dan perkembangan-perkembangan ini dihasratkan semata-mata untuk mempertingkatkan lagi tahap kehidupan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini baik dari segi 'physical comfort' mahupun dari segi rohani dan jasmani. Dalam usaha-usaha ini, kita memerlukan penglibatan aktif rakyat di Negara Brunei Darussalam ini secara total dalam semua peringkat bidang pembangunan. Kita berharap rakyat Negara Brunei Darussalam tidak akan semata-mata menerima faedah dari segi 'end product' pembangunan itu sahaja akan tetapi yang pentingnya ialah rakyat kita mendapat faedah-faedah positif dari segi penyertaan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi serta yang tidak kurang pentingnya juga dari segi peningkatan pelajaran dan ilmu pengetahuan mereka semasa mereka melibatkan diri dalam perlaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Dengan jalan ini kita penuh berharap yang rakyat Negara Brunei Darussalam ini akan dapat meningkatkan tahap kehidupan mereka bukan sahaja kerana dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan akan tetapi dalam proses pembangunan ini, rakyat dapat mengambil peranan penting dalam aktiviti-aktiviti ekonomi, dan berkesempatan pula menimba dan mendapatkan pengetahuan dan pengalaman yang berguna darinya. Jika ini dapat dicapai, maka foundation kita untuk bergerak ke arah pembangunan yang lebih pesat dan berkesan di masa depan akan lebih kukuh lagi.

### Penglibatan

Kita memang menyedari bahawa bagi menjayakan satu-satu proses pembangunan, penglibatan dan komitmen dari semua peringkat rakyat seperti pihak-pihak perancang, pemborong, pembekal, konsultan, pekerja-pekerja dan lain-lain merupakan resepi yang penting. Hal ini harus disedari dan diamalkan oleh para profesional seperti jurutera, arkitek dan juruukur setiap masa. Dari itu persoalan mengenai dengan tanggungjawab, kualiti dan sifat ahli-ahli profesional dalam proses ini menjadi isu utama yang perlu kita semua sama-sama mempertimbangkan dan meneliti kepentingannya. Tanggungjawab yang saya maksudkan yang harus dihadapi oleh para profesional di sini meliputi empat aspek penting :

* Tanggungjawab terhadap bidang kerja
* Tanggungjawab sosial
* Tanggungjawab ke atas alam sekitar dan
* Tanggungjawab ke atas masa depan negara.

Tanggungjawab terhadap bidang kerja termasuklah dari segi peningkatan mutu atau kualiti perancangan, rekabentuk dan peringkat-peringkat pembinaan. Kita perlu memastikan apa jua projek yang dilaksanakan, projek tersebut hendaklah dibuat dengan cepat selaras dengan matlamat masa yang telah ditetapkan, tidak melebihi kewangan yang telah diluluskan dengan tidak mengenepikan soal-soal mutu, keselamatan, function, reliability dan kesempurnaan rekabentuk dan aspek kejuruteraannya serta tidak lupa pula kira tentang maintainability projek yang dilaksanakan itu. Pencapaian EXCELLENCE dalam bidang ini sepatutnya menjadi matlamat penting pertubuhan ini dan ahli-ahlinya. Ini akan dapat menjamin penghasilan mutu atau kualiti kerja yang tinggi yang boleh meningkatkan produktiviti negara.

### Tanggungjawab

Tanggungjawab sosial pula meliputi aspek-aspek kehidupan dan kebudayaan kita. Aspek-aspek ini seharusnyalah diambil perhatian yang penting dalam kerja kita sebagai seorang profesional selaras dengan konsep dan cita-cita negara dalam memupuk dan mempertinggikan kebudayaan dan cara hidup rakyat negara ini. Para profesional juga harus bertanggungjawab untuk memudah dan membantu dalam meningkatkan kemahiran penduduk-penduduk yang terlibat di negara ini terutamanya kepada pihak pemborong dan pengusaha-pengusaha bumiputera dalam bentuk latihan dan peningkatan teknik pengurusan mereka. Di samping itu para profesional juga bertanggungjawab dalam usaha-usaha menjauhkan amalan-amalan yang dikeji seperti amalan rasuah dan pecah amanah serta menumpukan usaha dalam mempertingkatkan keselamatan dan kualiti pekerjaan dan tempat pekerjaan.

Tanggungjawab ke atas alam sekitar antara lainnya termasuklah memastikan bahawa sebarang side effect dari projek-projek hendaklah tidak berlaku seperti banjir, pencemaran alam sekitar dan seterusnya memastikan keadaan tempat bekerja yang bersih dan selesa.

### Mengenal Pasti

Tanggungjawab ke atas masa depan negara ialah dengan membantu untuk mengenal pasti strategi-strategi pembangunan jangka panjang yang harus kita laksanakan untuk menjamin supaya Negara Brunei Darussalam akan sentiasa aman, makmur dan produktif. Langkah ini sudah setentunya akan dapat memastikan peningkatan kehidupan kita yang berterusan.

Bagaimanakah caranya kita memastikan bahawa tanggungjawab yang saya nyatakan itu dapat dilaksanakan oleh ahli-ahli profesional di sini dengan berkesan, teratur dan sempurna? Aspek ini saya rasa adalah bergantung kepada kualiti dan sifat yang perlu ada kepada ahli-ahli profesional kita. Ahli-ahli profesional hanya akan dapat membuahkan kerja-kerja yang paling bermutu (excellent) jika kita sendiri menyediakan diri kita dengan amalan sedemikian. Cara-cara bagi mencapai perkara yang saya nyatakan ini bolehlah antara lainnya dilaksanakan seperti berikut :

* Mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan kita dengan cara berterusan. Mempertingkatkan kemahiran ini boleh dilakukan dengan berbagai cara seperti menghadiri seminar, pembacaan yang mendalam, pertukaran fikiran dan lain-lain.
* Mempunyai minat yang kuat dalam kerja-kerja penyelidikan dan perkembangan (R&D) yang memerlukan penilaian semula penggunaan bahan-bahan, pemikiran-pemikiran serta methodology-methodology baru yang tertentu dalam kerja-kerja seharian. Proses ini dapat menjamin pemindahan teknologi yang berkesan ke negara ini.
* Mempunyai komitmen yang kuat dalam melatih ahli-ahli baru Pertubuhan PUJA (B), pemborong-pemborong, kakitangan-kakitangan teknikal dan mana-mana pihak yang berminat dalam bidang ini demi untuk mewujudkan kakitangan teknikal yang cukup dan terlatih.
* Menghormati dan meningkatkan integrity dan mutu kepimpinan serta patuh kepada 'code of ethics' yang telah ditetapkan.
* Berkerja rapat dalam bidang sosial dengan orang-orang tempatan bagi lebih memahami kehidupan sosial dan adat resam penduduk negara ini.
* Meningkatkan kemahiran pengurusan ahli-ahli PUJA (B) bagi memastikan penggunaan dan pengawalan sumber-sumber yang ada dengan cekap dan berkesan.
* Membiasakan diri ahli-ahli dengan isu-isu yang lebih luas seperti isu-isu ekonomi, sosial, alam sekitar, keselamatan dan lain-lain untuk meluaskan lagi pandangan dan pemikiran kita.

### Sumbangan positif

Peluang-peluang bagi semua ahli profesional ini untuk melibatkan diri dan memberikan sumbangan positif dalam proses pembangunan negara adalah senantiasa terbuka luas. Dalam usaha sedemikian, kita perlu membentuk sistem yang positif dan efektif di mana ahli-ahli sekalian mempunyai tanggungjawab penting untuk menolong mempertingkatkan kemahiran dan kemampuan pihak-pihak lain seperti pihak-pihak pemborong dan pekerja-pekerja dan dalam waktu yang sama ahli-ahli sendiri akan mempertingkatkan kemahiran masing-masing ke arah kecemerlangan (excellence) untuk menghasilkan mutu kerja yang tinggi dalam pekerjaan kita sendiri. Sebagai ahli-ahli profesional yang bertanggungjawab saya berseru supaya ahli-ahli PUJA (B) semua akan dapat bekerjasama dan menumpukan usaha dalam mencapai matlamat ini. Dengan seruan ini dan dengan mendahului kalimah Bismillahir Rahman Nir Rahim, saya rasmikanlah Mesyuarat Agung Ketiga Pertubuhan PUJA (B) hari ini.

***KITA sama-sama menyedari bahawa disebabkan kemalapan ekonomi dunia terutamanya dengan turunnya harga minyak di pasaran dunia, pendapatan negara-negara pengeluar minyak sedikit sebanyak semakin terjejas. Dalam hal ini Negara Brunei Darussalam tidaklah terkecuali. Akan tetapi walaupun kita menempuh keadaan ini, kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperuntukkan berjuta-juta ringgit dalam Rancangan Kemajuan Negara yang ada pada masa ini untuk membiayai perlaksanaan pembangunan negara.***

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-367

# Hijab Perempuan

### Bahagian ketiga



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

BERKATA Al-Imam Syamsul Aimmah Asysyar Khasi daripada ulama Hanafiah dalam kitabnya Al-Mabsut (10-152): "Haram melihat perempuan, kerana takutkan fitnah, dan takutkan fitnah itu ada pada memandang mukanya, kerana keseluruhan kecantikan perempuan itu ialah pada mukanya dan kerana muka lebih banyak cantiknya dari lain-lain anggota.

Kemudian ia menyebut riwayat yang diriwayatkan daripada Al-Imam Abu Hanifah dan Ashab-Ashabnya (ertinya ulama-ulama yang mengikut mazhab dan jalan aliran pendapat ijtihadnya), iaitu diharuskan atau dibolehkan melihat pada muka dan pada dua tapak tangan perempuan.

Kemudian katanya: Ini semuanya, jika pandangan itu tidak membawa syahwat dan berahi, jika diketahuinya bahawa jika sekiranya ia melihatnya ia akan berahi, maka tidaklah halal baginya melihat pada sesuatu yang keduanya (ertinya dari uka dan sesuatu dari dua tapak tangan), begitu juga jika sekiranya kuat pada fikirannya jika ia melihat maka ia akan berahi, kerana kuat fikiran pada sesuatu yang tiada dapat diseluk dan hakikatnya itu adalah ia sebagai hukum yakin (betul-betul diketahui).

Tidak takutkan fitnah itu hanya diketahui pada orang perseorangan yang melihat, adapun jika dilihat perempuan pada kumpulan orang ramai dan pada orang ramai (bukan orang perseorangan), yang perempuan keluar dan terdedah kepada mereka dengan terdedah di hadapan mereka, maka tiadalah dapat dikatakan tiada takutkan fitnah dari pihak mereka sekalian, maka mestilah ditegah dari terdedah di hadapan mereka mengikut illat dan sebab yang disebutkan itu.

Maka dengan keterangan di atas nyatalah pendapat Mazhab Al-Imam Abu Hanifah dan pengikut-pengikutnya dalam masalah terdedah muka perempuan dan dua tapak tangan perempuan.

Berkata Al-Imam Al-Qurtubi dalam tafsirnya (12-229), berkata Al-Imam Ibnu Khuwiz Mandad, iaitu seorang ulama besar dalam Mazhab Al-Imam Malik, bahawa perempuan itu apabila ia cantik dan ditakuti fitnah dari melihat mukanya dan dua tapak tangannya, maka hendaklah perempuan itu menutup mukanya dan dua tapak tangannya, dan jika perempuan itu perempuan tua atau perempuan hodoh, maka harus dan boleh perempuan itu mendedahkan mukanya dan dua tapak tangannya.

Maka kata-kata yang di atas ini daripada Al-Imam Al-Qurtubi menerangkan kedudukan Mazhab Al-Imam Malik dalam perkara mendedahkan muka dan dua tapak tangan perempuan.

Adapun dalam Mazhab Al-Imam Ash-Shafiei, maka di dalam kitab Kifayatul Akhyar 'Ala Ghayatil Ikhtisar (2-23), maka haram melihat pada muka perempuan dan pada dua tapak tangan perempuan, jika sekiranya ditakuti fitnah, jika tidak ditakuti fitnah, maka padanya ada Khilaf Ulama Shafi'eiyyah, dan qaul yang betul adalah haram. Ini adalah perkataan Al-Imam Al-Astakhri dan Abu Ali Attabari, dan perkataan ini dipilih oleh Al-Imam Abu Muhammad Al-Juwaini, dan dengan perkataan (qaul) ini dipegang dan dijazamkan oleh Al-Imam Abu Ishak Asysyirazi dan Arruyani dan Imamul Haramaini telah menyatakan 'Illah dan sebabnya iaitu dengan Ittifak dan sekata orang Islam pada menegah orang perempuan dari keluar rumah dengan terdedah dan terbuka, dan kerana melihat kepada perempuan itu mendatangkan gejala fitnah, dan pandangan itu menggerakkan syahwat, maka sepatutnya dengan menurut kebaikan dan keutuhan syarak Islam itu ditutup pintu memandang perempuan dan berpaling dari berkata-kata satu persatu dalam perkara itu.

Perkataan Al-Imam Ash-Shafie dalam kitabnya Al-Umm (1-27) "Hendaklah perempuan itu menutup dalam sembahyang akan segala anggotanya selain dari dua tapak tangannya dan mukanya". Kata Al-Imam Ash-Shafie boleh nampak muka dan dua tapak tangan ketika dalam sembahyang sahaja tiada lain dengan katanya "dalam sembahyang" sebagaimana tuan lihat perkataan Al-Imam Ash-Shafiei itu, maka Al-Imam Ash-Shafiei itu mengharuskan nampak muka dan dua tapak tangan ketika mengerjakan sembahyang dan tiada ketika di hadapan laki-laki asing.

Adapun dalam Mazhab Al-Imam Ahmad, dalam masalah menutup muka dan dua tapak tangan perempuan adalah seperti Mazhab Al-Imam Shafiei dengan tiada beza padanya. Radhiallahu 'Aniljami'.

WALLAHUAKLAM

Bersambung





PENGIRAN Tengah, Pengurus Umum RBA menyampaikan surat perjanjian kepada salah seorang pelatih (atas). Sebahagian daripada pelatih-pelatih dan keluarga masing-masing ketika menandatangani perjanjian yang berlangsung di RBA Plaza di ibu negara (atas kanan). — Gambar oleh Harun Rashid.

# RBA hantar lapan pelatih ikuti kursus kejuruteraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menghantar lagi lapan orang pelatih ke seberang laut dalam usaha meningkatkan lagi kecekapan di Bahagian Kejuruteraan.

Lima dari pelatih-pelatih itu telah bertolak ke Dublin, Ireland pada 6 Februari lepas bagi mengikuti kursus kejuruteraan di Syarikat Penerbangan Aer Lingus selama antara empat ke lima tahun.

Manakala tiga orang lagi akan bertolak ke New Zealand pada 13 Februari ini bagi mengikuti kursus 'Aircraft Tradesman' di Syarikat Penerbangan New Zealand antara 2½ tahun hingga tiga tahun.

PELITA BRUNEI difahamkan penghantaran itu adalah satu langkah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei bagi meningkatkan kemahiran kejuruteraan di samping memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Majlis menandatangani perjanjian di antara syarikat berkenaan dengan para pelatih telah diadakan di Pusat Perdagangan, Plaza RBA di sini pada 4 Februari lepas disaksikan oleh Pengurus Umum Diraja Brunei, Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim dan pegawai-pegawai RBA.

Para pelatih itu terdiri dari Awang Rosli bin Sidek, Awang Zulhisham bin Ismail, Awang Mustafa bin Awang Bakar, Awangku Zulkaflee Pengiran Zaidi dan Awangku Darulredzuan bin Pengiran Haji Abbas. Kesemuanya mengikuti kursus di Dublin, Ireland.

Manakala Awang Musa bin Utar, Awang Ahmadiah bin Suhaili dan Awang Md. Khalid bin Md. Hussain akan mengikuti kursus di New Zealand.

# Satu keluarga Dusun memeluk Ugama Islam

TUTONG. — Satu keluarga Dusun, enam orang anak-beranak dari Kampong Rambai, telah memeluk ugama Islam Khamis lepas.

Awang Musim bin Palau, 36 yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Mohd. Muslim bin Abdullah melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Haji Omar bin Haji Ismail. Sementara isterinya Dayang Jampaka @ Champaka binti Ambun yang kini dikenali sebagai Dayang Norinah binti Abdullah, dan empat orang anak mereka masing-masing memilih nama Islam mereka sebagai Musrayani, Mahadini, Musswartoni dan Mushartini.

Majlis pengislaman itu merupakan yang pertama diadakan di Daerah Tutong tahun ini. Tahun lalu seramai 69 orang telah memeluk ugama Islam di seluruh negara.

Antara yang berucap di majlis pengislaman itu ialah Timbalan Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir dan Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Kassim bin Metali.



KELIHATAN Awang Mohd. Muslim berserta dengan keluarganya ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Haji Omar. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

# Sifat prasangka merosakkan perpaduan umat Islam

## Menuju Keredaan Allah

UMAT Islam di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah terkenal suatu umat yang bersatu padu dan cinta mencintai antara satu sama lain, ibarat sebuah bangunan besar yang teguh, amatlah sukar bagi musuh-musuh Islam untuk menghancur-leburkan perpaduan umat Islam di zaman itu.

Sebagi ugama yang tidak terhad kepada suatu kaum atau bangsa, Islam adalah ugama yang menyeluruh kepada seluruh umat manusia dan semua lapisan masyarakat dari apa bangsa atau bentuk rupa, namun begitu Islam adalah merupakan suatu ikatan yang mengikat setiap orang Islam ke dalam suatu paduan yang kukuh dan kuat, kerana itu tiada ada beza di antara satu dengan yang lain, kecuali sifat takwanya. Allah Subhanahu Wataala telah berfirman di dalam Al-Quran Surah Al-Hujurat ayat 13 yang kira-kira bermaksud: "Wahai manusia sesungguhnya Kami (Allah) menciptakan kamu dari seorang lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal, sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."

Kerana itu bagi setiap diri perseorangan Muslim, tidak seharusnya merasai bahawa dirinya itu terasing dalam masyarakat Islam, kerana Islam telah meletakkan asas-asas penting bagi mengatur masyarakat yang tidak memihak kepada pihak yang lain atau menyebelahi pihak yang lain, bahkan Islam melarang keras jika ada unsur-unsur atau sifat-sifat yang cuba memecahkan masyarakat Islam baik untuk kepentingan peribadi atau umum.

Dalam soal perpecahan masyarakat Islam, satu sifat yang dilarang oleh Allah haruslah dihindarkan, sifat tersebut ialah sifat prasangka atau jahat sangka. Sifat prasangka adalah di antara sifat yang dilarang keras oleh Allah kepada orang-orang Mukmin. Seperti mana maksud firman Allah dalam surah Al-Hujurat ayat 12, yang maksudnya kira-kira: *"Wahai orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa, dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain, dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain, apakah suka seseorang dari kamu memakan daging bangkai saudaranya? Maka (tentu) kamu jejek kepadanya dan berbaktilah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun dan Penyayang".*

Sifat prasangka ini lahirnya dari rasa kecewa yang ada pada diri seseorang manusia, ianya timbul akibat dirinya tidak ada tempat dalam masyarakat ataupun ada tempat di dalam masyarakat tetapi tidak dihargai, oleh itu mereka yang sedemikian akan sentiasa berusaha menunjukkan dirinya ke dalam masyarakat dengan melakukan berbagai cara untuk menarik perhatian ramai, dari rasa tidak adanya harga diri inilah boleh menimbulkan sifat prasangka yang akhirnya akan menimbulkan unsur-unsur yang tidak sihat di kalangan masyarakatnya. Orang yang bersifat prasangka ini bukan sahaja tidak senang terhadap dirinya, tetapi akan lahir ekoran dari itu perasaan hasad dengki, dendam dan suka melakukan sesuatu yang bertujuan untuk melaga-lagakan orang lain atau cuba merosakkan perpaduan yang telah ada, bahkan lebih dari itu akan berusaha menghalang setiap kemajuan dari dilaksanakan.

Islam tidak menegah umatnya berprasangka yang baik yang menjadi asas dan pokok penting dalam meletakkan atau menentukan hukum, tetapi apa yang dilarang umatnya menanam sifat prasangka jahat terhadap sesama anggota masyarakat Islam, kerana prasangka jahat ini bukan sahaja tidak merelakan saudara sesama Islam untuk menikmati apa yang telah dirasakan atau dinikmati, bahkan orang yang bersifat sedemikian akan berusaha untuk menghilangkan nikmat yang telah sedia ada pada saudaranya sesama Islam. Sifat sedemikian akan merosakkan, malah akan meruntuhkan tenaga pengikat yang telah menyatukan umat Islam dalam proses pembentukan suatu masyarakat yang padu dan kuat. Kepaduan dan kekuatan tidak akan lahir atau wujud kalau anggota masyarakat tidak merasai bertanggungjawab dan rela-merelai terhadap

Lihat muka 7




# Orang yang berpura-pura diibaratkan sejahat-jahat manusia

***"PASTILAH berjaya barangsiapa yang dapat membersihkan jiwanya (dengan iman dan amal kebajikan), sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)."***

MARILAH kita tingkatkan takwa kita kepada Allah Taala dengan menjunjung titah perintah-Nya dan berusaha menjauhi segala larangan-Nya.

Telah berfirman Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran kira-kira tafsirnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang satu, oleh itu, siapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang salih, dan janganlah dia mempersekutukan siapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya."* (Surah Al-Kaf ayat 110).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda kira-kira maksudnya: *"Ketika Allah mengumpulkan orang-orang yang terdahulu dan orang-orang yang terkemudian di padang mahsyar pada hari kiamat lalu berserulah seorang penyeru, katanya: Barangsiapa yang menyekutukan seseorang dalam amalnya, maka hendaklah ia mendapatkan pahala daripada orang itu."*

Dari keterangan ayat Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu tadi jelaslah kepada kita bahawa sesuatu ibadat dan amal yang dikerjakan oleh seseorang itu hendaklah dilakukan dengan ikhlas kerana Allah semata-mata dan jangan disekutukan ibadat dan amal itu dengan seseorang. Allah Subhanahu Wataala tidak menerima ibadat dan amal itu jika ianya disertakan dengan orang lain yang bukan kerana Allah semata-mata.

Dalam satu hadis Kudsi, Allah Azza Wajalla telah berfirman kira-kira maksudnya: *"Aku adalah Tuhan yang maha suci dari sebarang sekutu, barangsiapa yang membuat sesuatu amal untuk Aku lalu ia sekutukan padanya dengan yang lain daripada-Ku, maka Aku adalah berlepas tangan daripadanya, sedangkan dia adalah tertakluk kepada sesuatu yang disekutukannya itu."*

Hadis Kudsi ini jelas menegaskan bahawa Allah Subhanahu Wataala tidak akan menerima dan tidak akan memberi pahala barang sedikit pun terhadap sesuatu amal yang dikerjakan bukan kerana Allah semata-mata. Malah Allah menyeru orang yang terlibat menyekutukan amalnya dengan orang lain atau sesuatu yang lain daripada Allah itu supaya minta balas atau pahala daripada itu, atau sesuatu yang lain itu, yang mana orang lain atau sesuatu yang dijadikan sekutu bagi Allah itu sudah pasti tidak akan dapat memberi pahala atau balasan yang baik terhadap orang tadi.

Ugama Islam menghendaki supaya umatnya bersifat ikhlas dalam setiap ibadat, dalam setiap amal dan dalam setiap perbuatan dan percakapan, dan melarang umatnya daripada bersifat munafik dan ria. Kerana kedua-dua sifat ini adalah menipu diri sendiri, menipu Tuhan dan menipu orang lain. Keduaduanya adalah sifat khianat yang boleh menghilangkan kepercayaan orang lain. Orang yang berpura-pura baik tetapi niat hatinya jahat, lain yang dizahirkan dan lain yang terkandung di dalam batin adalah sejahat-jahat manusia, sebab itulah amalnya tidak diberi ganjaran pahala oleh Allah Taala. Bagaimanakah Tuhan akan menerima amalan seumpama itu andai kata tujuannya untuk mendapatkan kemegahan nama atau pangkat, bagaimanakah Tuhan akan rela memberi pahala, andai kata tujuannya untuk mendapatkan pujian dan sanjungan manusia, dan bagaimanakah Tuhan akan merestui perbuatan seumpama itu andaikata tujuannya semata-mata untuk kebesaran dan kesenangan dunia?

Sebab itulah wahai kaum Muslimin, Islam menuntut dan menyeru umatnya supaya masing-masing berusaha membersihkan jiwa dari anasir-anasir nifak dan ria itu, dengan meningkatkan keimanan menerusi amal, zikir, doa dan sebagainya sebagaimana firman Allah kira-kira tafsirnya: *"Pastilah berjaya barangsiapa yang dapat membersihkan jiwanya (dengan iman dan amal kebajikan), sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)."*

Marilah sama-sama kita beribadat dan bekerja dengan ikhlas bagi mempastikan segala amalan kita diterima oleh Allah Taala demi untuk kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 11 Februari, 1987 hingga ke hari Selasa 17 Februari, 1987 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Februari | | | | | | | | | | | | |
| 11 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 5.25 | 5.12 | 5.26 | 6.35 | 6.36 |
| 12 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.32 | 6.33 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.35 | 6.36 |
| 13 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.35 | 6.36 |
| 14 | 12.37 | 3.55 | 3.56 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.35 | 6.36 |
| 15 | 12.37 | 3.54 | 3.55 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.11 | 5.25 | 6.35 | 6.36 |
| 16 | 12.37 | 3.54 | 3.55 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.10 | 5.25 | 6.35 | 6.36 |
| 17 | 12.37 | 3.54 | 3.55 | 6.33 | 6.34 | 7.43 | 7.44 | 5.24 | 5.10 | 5.25 | 6.35 | 6.36 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## *Bermesra dengan sistem metrik...*

BERDASARKAN kepada 1 kg = 1.65 kati

Jadual di bawah hanyalah menunjukkan CONTOH PANDUAN HARGA untuk menolong awda membeli-belah dalam kiraan metrik. Harga-harga tersebut merupakan harga-harga yang telah digenapkan dari pertukaran harga dalam sekati ke kilogram.

| SEKATI | SEKILOGRAM |
|---|---|
| $ | $ |
| 7.50 | 12.40 |
| 7.60 | 12.55 |
| 7.70 | 12.70 |
| 7.80 | 12.90 |
| 7.90 | 13.05 |
| 8.00 | 13.20 |
| 8.10 | 13.35 |
| 8.20 | 13.50 |
| 8.30 | 13.70 |
| 8.40 | 13.85 |
| 8.50 | 14.05 |
| 8.60 | 14.20 |
| 8.70 | 14.35 |
| 8.80 | 14.50 |
| 8.90 | 14.70 |
| 9.00 | 14.85 |
| 9.10 | 15.00 |
| 9.20 | 15.20 |
| 9.30 | 15.35 |
| 9.40 | 15.50 |
| 9.50 | 15.70 |
| 9.60 | 15.85 |
| 9.70 | 16.00 |
| 9.80 | 16.20 |
| 9.90 | 16.35 |
| 10.00 | 16.50 |

| SEKATI | SEKILOGRAM |
|---|---|
| $ | $ |
| 10.00 | 16.50 |
| 10.10 | 16.65 |
| 10.20 | 16.85 |
| 10.30 | 17.00 |
| 10.40 | 17.15 |
| 10.50 | 17.35 |
| 10.60 | 17.50 |
| 10.70 | 17.65 |
| 10.80 | 17.80 |
| 10.90 | 18.00 |
| 11.00 | 18.15 |
| 11.10 | 18.30 |
| 11.20 | 18.50 |
| 11.30 | 18.65 |
| 11.40 | 18.80 |
| 11.50 | 19.00 |
| 11.60 | 19.15 |
| 11.70 | 19.30 |
| 11.80 | 19.50 |
| 11.90 | 19.65 |
| 12.00 | 19.80 |
| 12.10 | 20.00 |
| 12.20 | 20.15 |
| 12.30 | 20.30 |
| 12.40 | 20.45 |
| 12.50 | 20.65 |

| SEKATI | SEKILOGRAM |
|---|---|
| $ | $ |
| 12.50 | 20.65 |
| 12.60 | 20.80 |
| 12.70 | 20.95 |
| 12.80 | 21.10 |
| 12.90 | 21.30 |
| 13.00 | 21.45 |
| 13.10 | 21.60 |
| 13.20 | 21.80 |
| 13.30 | 21.95 |
| 13.40 | 22.10 |
| 13.50 | 22.30 |
| 13.60 | 22.45 |
| 13.70 | 22.60 |
| 13.80 | 22.75 |
| 13.90 | 22.95 |
| 14.00 | 23.10 |
| 14.10 | 23.25 |
| 14.20 | 23.45 |
| 14.30 | 23.60 |
| 14.40 | 23.75 |
| 14.50 | 23.95 |
| 14.60 | 24.10 |
| 14.70 | 24.25 |
| 14.80 | 24.40 |
| 14.90 | 24.60 |
| 15.00 | 24.75 |

## Para belia dan penuntut diingatkan

# Jauhkan diri dari penyalahgunaan dadah

Oleh: Haniza Abdullah

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani mengingatkan para belia dan penuntut sekolah agar menjauhkan diri dari beberapa perkara yang tidak diingini seperti masalah penyalahgunaan dadah dan merosakkan harta benda awam.**

Memandangkan merbahayanya penyalahgunaan dadah, kata Pengiran Badaruddin, kerajaan telah meluluskan dan melaksanakan undang-undang yang sama ketatnya dengan undang-undang yang dilaksanakan di negara jiran seperti di Malaysia dan di Republik Singapura.

"Kerana dadah adalah suatu perkara yang bukan sahaja merosakkan bangsa, ugama dan negara malah menghancurkan ketahanan mental dan fizikal seseorang itu," ujarnya di majlis ramah mesra dengan sekumpulan 35 orang penuntut sekolah dan ahli-ahli persatuan belia dan kebajikan di Daerah Brunei dan Muara yang mengadakan lawatan sivik ke Jabatan Penyiaran dan Penerangan minggu lalu.

Sebagai langkah mengurangkan masalah seperti itu Pengarah Penyiaran dan Penerangan berharap supaya mereka menggunakan kesempatan di masa lapang mereka seperti di hari percutian dan di hujung minggu dengan kegiatan yang berfaedah seperti ke perpustakaan, mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang menarik dan lain-lain perkara yang berkebajikan.

Lawatan sivik selama sehari itu bertujuan mendedahkan perkembangan dan kemajuan negara kita secara lebih dekat dan memberikan kefahaman yang betul tentang hal-ehwal kerajaan dan negara, juga sebagai usaha jabatan berkenaan menanamkan semangat untuk cintakan bangsa, ugama dan negara.

Menurut Awang Hj. Sulaiman, salah seorang Pegawai Penerangan yang memberi ucapan alu-aluan dengan adanya semangat cintakan bangsa, ugama dan negara terutamanya di kalangan belia boleh menghindarkan diri mereka dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan seperti penyalahgunaan dadah dan lain-lain penyakit masyarakat.

Beliau berharap ketua-ketua penuntut dan pemimpin-pemimpin belia yang menghadiri lawatan tersebut akan dapat menyebarkan pengetahuan yang diperolehi hasil dari lawatan itu kepada rakan-rakan mereka.

Selain daripada mendengar ceramah mengenai pergerakan belia masa kini dan masa depannya oleh pegawai dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Suhimi bin Pengiran Wahid dan ceramah berhubung dengan penyalahgunaan dadah oleh Pemangku Ketua Pentadbiran, Awang Mohammad Haji Metusin, peserta juga dibawa melawat ke Kompleks RTB dan Kompleks Unit Anti Dadah di ibu negara.



**PENGARAH Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin ketika memberikan taklimat di majlis ramah mesra dengan 35 orang para belia dan penuntut dari Daerah Brunei dan Muara yang mengadakan lawatan sivik ke Jabatan Penyiaran dan Penerangan minggu lalu. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.**



**SEBAHAGIAN daripada penuntut-penuntut dan belia-belia yang mengadakan lawatan sivik ke Jabatan Penyiaran dan Penerangan. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.**

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Limau Manis | 11.2.1987 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Pengka'an Batu | 11.2.1987 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Rendah Masin | 11.2.1987 | Rabu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Kupang | 11.2.1987 | Rabu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Pantai Berakas | 12.2.1987 | Khamis | 9.00–10.00 pagi |
| Padang Kawat Berakas Garison | 12.2.1987 | Khamis | 10.05–11.05 ,, |
| Sekolah Rendah Jerudong | 14.2.1987 | Sabtu | 8.30– 9.30 ,, |
| Pusat Tahanan Jerudong | 14.2.1987 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Rendah Sengkurong | 14.2.1987 | Sabtu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 14.2.1987 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah OKSB Kilanas | 14.2.1987 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut | 14.2.1987 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu | 15.2.1987 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kampong Perpindahan Serasa | 15.2.1987 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di Hadapan Kedai Muara | 15.2.1987 | Ahad | 11.30–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Lumapas | 16.2.1987 | Isnin | 9.30–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Junjungan | 16.2.1987 | Isnin | 9.00–10.00 ,, |
| Sekolah Rendah Pancher Murai | 16.2.1987 | Isnin | 10.15–11.15 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 16.2.1987 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas | 16.2.1987 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Rendah OKBI Subok | 17.2.1987 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak | 17.2.1987 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# Pelatih payung terjun disifatkan sebagai gagah dan berani

Oleh Ahat Ismail

PERKHEMAHAN BERAKAS. – Pegawai Pemerintah Tentera Udara, Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Jocklin bin Kang Pow mensifatkan kejayaan 16 orang pelatih yang menyertai kursus asas payung terjun sebagai gagah dan berani.

Katanya, kejayaan yang telah dicapai itu menunjukkan pelatih-pelatih tersebut mempunyai sifat-sifat berani dan gagah yang semestinya dimiliki oleh setiap anggota dalam Angkatan Bersenjata.

Berucap sebelum menyampaikan lencana-lencana payung terjun gaya bebas kepada 16 orang pelatih Angkatan Bersenjata pada Jumaat lepas menyatakan, "Walaupun payung terjun di dalam pasukan tidak ada 'operational', hanya dianggap sebagai sport sahaja tetapi kejayaan yang telah kamu capai itu adalah menunjukkan yang kamu mempunyai sifat-sifat gagah dan berani. Dan sifat-sifat ini memanglah dikehendaki dari semua ahli-ahli tentera pasukan ini," jelasnya.

"Diharap kejayaan kamu itu tidak tinggal begitu saja, dan bagi kamu yang ingin menambahkan lagi pengalaman kamu di dalam bidang penerjunan, kamu adalah digalakkan untuk memasuki PATDU di mana kemungkinan kecekapan kamu itu akan dikehendaki bagi perlawanan-perlawanan antarabangsa," ujarnya.

Dalam kejohanan-kejohanan payung terjun yang lalu, PATDU telah banyak mencapai kejayaan-kejayaan cemerlang dan pada bulan April depan PATDU akan menyertai kejohanan di Pattaya, Thailand di mana dalam kejohanan itu nanti PATDU akan menyertakan seorang peserta wanita.

Muncul sebagai pelatih terbaik dalam kursus itu disandang oleh Kapten Siger dari Batalion Pertama, manakala Mejar Jumaat daripada Markas Pasukan terpilih sebagai peserta yang menuju sasaran terbaik.

Selanjutnya beliau berkata bahawa kejayaan penerjunan-penerjunan yang dilakukan itu merupakan kejayaan yang sangat membanggakan.

Sehubungan dengan itu beliau berharap agar kejayaan yang dicapai itu tidak akan tinggal begitu saja malahan akan diteruskan dari masa ke semasa.





PEGAWAI Pemerintah Tentera Udara, Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Jocklin bin Kong Paw menyampaikan lencana kepada Mejar Jumat yang terpilih sebagai penerjun payung terbaik dalam menuju sasaran (atas kiri) dan kepada Kapten Sigar yang muncul sebagai peserta terbaik dalam kursus payung terjun gaya bebas. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# 40 sertai Kempen Kebersihan membersihkan kawasan

Oleh Abd. Karim HAB




KELIHATAN tiga orang kakitangan Pusat Perbekalan Kerjasama mengatur-susun kotak-kotak di pusat tersebut di Jalan Gadong. — Gambar oleh Harun Rashid.

GADONG. – Kira-kira 40 orang pegawai dan kakitangan Pusat Perbekalan Kerjasama di sini mengadakan kempen kebersihan dan menyusun semula barang-barang selama sehari di pusat berkenaan pada 29 Januari lepas.

Pengurus Am Pusat Perbekalan Kerjasama, Awang Haji Mustapa bin Haji Abd. Rahman berkata, kerja sukarela itu juga meliputi menghapuskan barang-barang lama dari kira-kira.

Kerja-kerja penyusunan itu pula dilakukan di hari berkenaan disebabkan ianya tidak sempat diselesaikan dalam waktu-waktu bekerja.



SETIAUSAHA Tetap Pentadbiran, Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang mengikuti kursus dalam negeri anjuran Jabatan Perikanan. — Gambar oleh Zubaidah HS.

# 16 anggota ABDB jalani latihan payung terjun

JERUDONG. – Seramai 16 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, telah menjalani latihan payung terjun di Padang Polo Jerudong Jumaat lepas.

Jurulatih yang mengendalikan, Pegawai Warrant II, Agan bin Haji Sauldi berkata, latihan itu bertujuan bagi melatih para penerjun payung yang baru dan juga wakil ABDB ke kejohanan payung terjun terbuka kali ke-8 di Thailand yang dijangka akan berlangsung pada bulan April depan.

Antara latihan-latihan yang dijalankan termasuklah ketepatan, kerjasama di udara dan membuat kecekapan semasa di udara.

Beliau menjelaskan, "Bahagian perlawanan kami menjalani tiga bentuk latihan iaitu perlawanan ketepatan dengan ketinggian 3,500 kaki menuju ke sasaran, kedua kerjasama payung di udara tinggi terjun setinggi 6,000 kaki, yang mana masa akan diambil untuk kecekapan para peserta memasuki peringkat-peringkatnya dan ketiga kerjasama di udara dengan ketinggian terjun 9,000 kaki, yang mana kami membuat beberapa kedudukan di udara sebelum mengembangkan payung."

Dalam beberapa kejohanan yang lalu ABDB pernah menjadi juara dan naib juara sebanyak empat kali, manakala di tempat ketiga pula sebanyak lima kali.

Menurut jurucakap itu lagi latihan tersebut merupakan yang pertama dijalankan tahun ini serta setakat ini lebih daripada 300 orang anggota payung terjun telah dilatih di negara ini.



SALAH seorang peserta yang mengikuti latihan terjun payung mendarat di tempat sasaran latihan. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

# 52 peserta tamatkan berbagai kursus

Oleh Zubaidah HS

BANDAR SERI BEGAWAN. – Seramai 52 orang peserta kursus yang terdiri dari pegawai dan kakitangan Jabatan Perikanan serta beberapa orang pengusaha tempatan telah menerima sijil mereka masing-masing setelah menamatkan berbagai-bagai kursus dalam negeri anjuran Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan.

Penyampaian sijil-sijil kepada peserta kursus telah dilakukan oleh Setiausaha Tetap Pentadbiran, Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup yang diadakan di Bilik Kuliah Jabatan Perikanan di sini pada hari Sabtu 31 Januari lepas.

Jabatan Perikanan telah mengadakan lima bidang kursus yang berasingan, iaitu dengan tujuan meninggikan dan meningkatkan mutu kerja pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan jabatan tersebut.

Kursus-kursus tersebut termasuklah Kursus Asas Akuakultura diadakan selama seminggu, Kursus Perikanan Laut, diadakan selama dua minggu, Kursus Pengendalian Ikan diadakan selama empat hari, Kursus Teknologi Penangkapan Ikan, dan ilmu pelayaran bagi penolong-penolong pukat tunda dan pukat lengkung serta Kursus Jurupandu Kelas II Kumpulan A yang juga telah dibantu oleh Tentera Laut, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei diadakan selama dua bulan.

Menurut Pengarah Perikanan, Awang Matdanan bin Haji Jaafar, di dalam kursus-kursus ini juga diadakan ujian-ujian untuk peserta-peserta kursus, dan mereka yang menerima sijil-sijil pada hari tersebut adalah mereka yang telah lulus. Hasil daripada kursus itu menurut beliau akan dapat digunakan untuk meningkatkan mutu kerja dan prestasi, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatannya bagi mencapai satu pentadbiran yang efisien lagi berkesan.

Dari muka 5

kenikmatan sesamanya dalam sesuatu masyarakat itu khususnya masyarakat Islam.

Kerana itu kita umat Islam haruslah menjauhkan diri dari mempunyai sifat prasangka terhadap sesama Islam, kerana dengan bersifat sedemikian (menjauhi sifat prasangka) akan mewujudkan suatu ikatan yang kukuh dalam ertikata persaudaraan dalam Islam atau lebih dikenal dengan sebutan 'Ikhwah Islamiah'.




# Skim percubaan sistem metrik akan diadakan di Pasar Gadong 16 Feb.

Oleh Abd. Karim HAB

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Sukatan dan Timbangan dengan kerjasama Bahagian Kawalan Harga, Unit Perancang Ekonomi akan mengendalikan Skim Percubaan Sistem Metrik di Pasar Gadong selama sebulan mulai 16 Februari depan.**

Menurut Awang Aliakhbar bin Abu Bakar, Pegawai Pentadbir Kanan, Bahagian Sukatan dan Timbangan, skim berkenaan bertujuan memberikan bimbingan secara terperinci dan praktikal kepada para penjual di pasar sama ada penjual daging, penjual sayur ataupun penjual buah-buahan di samping mengenalkan sistem itu kepada orang ramai secara dekat.

"Langkah yang diaturkan ini adalah berikutan kehendak Undang-Undang Sukatan dan Timbangan 1983 yang dengan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mula dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1987 dan seterusnya membolehkan negara kita menggunakan sistem metrik dalam apa jua bentuk sukatan dan timbangan," jelasnya.

### Penyebaran

Selain itu skim berkenaan juga bertujuan menyambung usaha-usaha penyebaran yang telah dimulakan pada tahun lalu bagi mensejajarkan penggunaan sistem berkenaan dengan negara-negara jiran.

Menurut Awang Aliakhbar, skim ini juga akan diadakan di pasar-pasar di Daerah Belait, Tutong dan Temburong pada bulan Mac nanti. Manakla usaha mengenalkan kepada peniaga-peniaga runcit dan penamu-penamu pula akan diadakan pada bulan April dan seterusnya kepada penjual-penjual kain dalam bulan Mei.

### Berperingkat

"Bahagian Sukatan dan Timbangan menyebarkan sistem ini secara berperingkat-peringkat di mana kalau ianya disebarkan secara serentak bukanlah mudah," jelas beliau.

Antara lain menurut Awang Aliakbar persiapan yang telah dibuat oleh Bahagian Sukatan dan Timbangan dengan kerjasama Bahagian Kawalan Harga, Unit Perancang Ekonomi ialah penyediaan bahan-bahan pertukaran dalam bentuk 'pamplet' terutama mengenai sukatan berat dari Kati ke Kilo dan sebaliknya; poster panduan harga di samping poster bergambar yang menunjukkan pertukaran dari Imperial ke sukatan Metrik dan membahagi-bahagi tanda harga secara percuma.

### Panduan

"Bahan-bahan berkenaan akan dibahagi-bahagikan kepada orang ramai dalam tempoh skim percubaan itu sebagai panduan bagi memudahkan mereka. Mereka juga boleh merujuk poster-poster panduan yang akan dilekatkan di dinding di kawasan pasar berkenaan atau merujuk ke kaunter rujukan yang disediakan di sana yang bersedia membantu mereka," jelas Awang Aliakhbar.

Orang ramai katanya, yang mempunyai sebarang keraguan atau masalah mengenai sistem berkenaan boleh menghubungi Bahagian Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan Istana Darussalam atau melalui telefon no: 44660.

# Angka tunjuk harga barang bagi bulan Disember '86

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Disember 1986 ialah 150.4 mata dan ini hanyalah 0.1% lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bulan November 1986. Berbanding dengan angka tunjuk bagi bulan Disember 1985, angka tunjuk bagi bulan yang dilaporkan adalah 2.5% lebih tinggi.

Jika dibandingkan dengan bulan sebelumnya, ada terdapat sedikit kenaikan angka tunjuk bagi kumpulan-kumpulan "makanan" dan "alat-alat perabot, perhiasan-perhiasan dan alat-alat kelengkapan rumahtangga serta pemasangannya." Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah tidak berubah.

Kenaikan angka tunjuk kumpulan "makanan" adalah disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan kecil 'buah-buahan" iaitu buah-buahan dalam tin, "sayur-sayuran" iatu sayur-sayuran segar (sawi putih, bayam, timun dan kacang panjang), "kopi, teh dan koko" iaitu kopi segera dan "lain-lain makanan termasuk barang-barang awetan" iaitu rempah-rempah dan lain-lain bahan makanan (lada sulah).

# Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 5 Februari, 1987.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

(1) KACANG HIJAU sekati 80 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon, No. 6, Jalan McArthur.

(2) TEPUNG GANDUM (Cap Prima) sekati 60 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
   b) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.

(3) PUSU KERING sekati $6.00.
   a) Kedai A. Muthian No. 9, Jalan McArthur.
   b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.

(4) TELUR AYAM TEMPATAN sepapan $5.00.
   a) Kedai Chop Suom Huat No. 28, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

(1) KACANG HIJAU sekati $1.00.
   a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
   b) Kedai Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.

(2) TEPUNG GANDUM (Cap Prima) sekati 60 sen.
   a) Yick Guan, No. 3, Jalan Pretty.

(3) PUSU KERING sekati $6.80.
   a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.

(4) TELUR AYAM TEMPATAN sepapan $5.00.
   a) Kedai Chop Haw Min, Chinese Chamber of Commerce.

**SERIA**

(1) KACANG HIJAU sekati $1.00.
   a) Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.

(2) TEPUNG GANDUM (Cap Prima) sekati 65 sen.
   a) Kedai Chin Siong Hin No. 3 Jalan Sultan Omarali.
   b) Kedai Chop Koh Seng Heng No. 17, Jalan Sultan Omarali.

(3) PUSU KERING sekati $6.50.
   a) Kedai Foo Hap Shing No. 20, Jalan Sultan Omarali.
   b) Kedai Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga.

(4) TELUR AYAM TEMPATAN sepapan $5.00.
   a) Kedai Yuan Ho Hiung No. 49 Jalan Bunga Kuning.

# GUNAKAN METRIK

## AWDA DIGALAKKAN MEMBELI DENGAN KIRAAN KILOGRAM APABILA MEMBELI-BELAH DI PASAR

**HARGA**

Oleh kerana **1 kilogram (kg)** ialah **65%** lebih berat daripada **1 kati**, harga barang yang dibeli dalam **kilogram** adalah lebih **65%** daripada harga yang biasa dibayar bagi **sekati**. Jadi dengan kiraan **kilogram** tidak bermakna harga barang telah naik.

| Kalau awda biasanya membeli : | Beratnya dalam kiraan metrik | Untuk perbandingan harga yang mudah mintalah : |
|---|---|---|
| **1 kati** | **604.8 g** | **500 g (½kg)** |
| **2 kati** | **1.2 kg** | **1 kg** |
| **3 kati** | **1.8 kg** | **2 kg** |
| **4 kati** | **2.4 kg** | **2½ kg** |

Jadual di bawah menunjukkan beberapa CONTOH PANDUAN HARGA bagi menolong awda membeli dalam kiraan metrik.

| HARGA BAGI DAGING | | HARGA BAGI IKAN | | HARGA BAGI AYAM | |
|---|---|---|---|---|---|
| SEKATI $ | SEKILOGRAM $ | SEKATI $ | SEKILOGRAM $ | SEKATI $ | SEKILOGRAM $ |
| 3.00 | 5.00 | 1.50 | 2.50 | 3.60 | 6.00 |
| 3.50 | 5.80 | 2.00 | 3.30 | 3.70 | 6.10 |
| 4.00 | 6.60 | 2.50 | 4.10 | 3.80 | 6.30 |
| 4.50 | 7.50 | 3.00 | 5.00 | | |
| 5.00 | 8.30 | 3.50 | 5.80 | | |
| 5.50 | 9.10 | 4.00 | 6.60 | | |
| 6.00 | 9.90 | 4.50 | 7.50 | | |
| 6.50 | 10.80 | 5.00 | 8.30 | | |
| 7.00 | 11.60 | 5.50 | 9.10 | | |
| 7.50 | 12.40 | 6.00 | 9.90 | | |
| 8.00 | 13.20 | 6.50 | 10.80 | | |
| 8.50 | 14.10 | 7.00 | 11.60 | | |
| 9.00 | 14.90 | 7.50 | 12.40 | | |
| 9.50 | 15.70 | 8.00 | 13.20 | | |
| 10.00 | 16.50 | 8.50 | 14.10 | | |

**HARGA BAGI SAYUR-SAYURAN**

| SEKATI $ | SEKILOGRAM $ | SEKATI $ | SEKILOGRAM $ | SEKATI $ | SEKILOGRAM $ |
|---|---|---|---|---|---|
| 0.60 | 1.00 | 1.40 | 2.30 | 2.20 | 3.60 |
| 0.70 | 1.15 | 1.50 | 2.50 | 2.30 | 3.80 |
| 0.80 | 1.30 | 1.60 | 2.65 | 2.40 | 3.95 |
| 0.90 | 1.50 | 1.70 | 2.80 | 2.50 | 4.10 |
| 1.00 | 1.65 | 1.80 | 3.00 | 2.60 | 4.30 |
| 1.10 | 1.80 | 1.90 | 3.15 | 2.70 | 4.45 |
| 1.20 | 2.00 | 2.00 | 3.30 | 2.80 | 4.60 |
| 1.30 | 2.15 | 2.10 | 3.45 | 2.90 | 4.80 |

DISEDIAKAN OLEH :
PEJABAT SUKATAN DAN TIMBANGAN,
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU
## 11 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 3-2-1 CONTACT : "Light Thursday"
5.00 THE WORLD OF SURVIVAL : "Quick Brown Fox"
5.25 THE MAGICAL WORLD OF GIGI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE MAGICAL WORLD OF GIGI — sambungan
5.55 SILVER SPOONS
6.20 APA TU AH ?
6.33 AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.48 APA TU AH ? — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SCARECROW AND MRS KING : "Fast Food For Thought"
Amanda King dan Lee Scarecrow Stetson telah berjaya menggagalkan niat jahat seorang pengurus wanita di sebuah kedai makanan segera, yang bersedia untuk meracun ribuan nyawa kecuali dia diberikan wang tebusan yang berjumlah berjuta-juta ringgit.
7.44 AZAN ISYAK
7.47 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 ADUNIKA
10.05 YES PRIME MINISTER : "One Of Us" (Episod terakhir)
10.30 ROAD TO WEMBLEY
10.50 MAELSTROM : "All Ill Wind" (Siri baru)
11.40 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI KHAMIS
## 12 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE JETSONS : "Grandpa And The Galatic Gold Digger"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN : "Permainan Pendidikan" (Episod terakhir)
6.05 LET'S GO MATHS
6.15 PINK PANTHER AND SONS
6.33 AZAN MAGHRIB
6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.48 PINK PANTHER AND SONS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 CRAZY LIKE A FOX : "You Can't Keep A Good Corpse Down"
7.44 AZAN ISYAK
7.49 CRAZY LIKE A FOX — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 HARDCASTLE AND McCORMICK : "Brother Can You Spare A Crime?"
Kehidupan saudara lelaki Hardcastle yang kurang bernasib baik terumbang-ambing apabila bekas hakim keberatan untuk cuba menolongnya bagi membayar hutang perjudiannya dengan keputusan para hakim yang tidak disangka tentang pembunuhan seorang model yang jelita.
10.40 CHECK IT OUT : "Store War"
11.05 TAYANGAN GAMBAR : "The Family Secrets"
Seorang ayah membela seorang tahanan atas tuduhan membunuh anak lelakinya yang dianggap adalah suatu kemalangan. Teman wanita anak lelakinya memintanya supaya bersumpah. Dibintangi oleh John Derek, Lee J. Cobb, Jody Lawrence dan lain-lain.
12.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI JUMAAT
## 13 FEBRUARI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.13 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.49 HIDAYAT — sambungan
12.55 MUTIARA / NADASARI

**PETANG**

1.25 THE 13 GHOSTS OF SCOOBY DOO : "A Spooky Little Ghoul Like You"
1.50 ITALIAN FOOTBALL
2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.05 ANDY ROBSON : "The Unknown Warrior"
Mayat seorang tentera yang telah ditanam beberapa tahun lalu telah ditemui. Sejurus selepas itu, beberapa kejadian-kejadian ganjil mula berlaku.
3.30 AL-KISAH
3.45 ALL AT NO. 20 — Episod 3 :
Pekerjaan separuh masa Sheila dengan Scrimshaw & Bagley tiba-tiba menjadi pincang apabila dia mendapati bahawa dirinya tidak sesuai dengan word-processing seperti dia dengan Mr Bagley. Masa depan nampaknya kurang memuaskan. Tetapi Richard fikir dia akan mendapat jawapannya.
3.56 AZAN ASAR
4.00 ALL AT NO. 20 — sambungan
4.15 SUPER SPACE THEATRE : "Thunderbirds To The Rescue" Bhg I
5.05 ECONOMIC MADE EASY
5.30 CHOCKY'S CHALLENGE
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 CHOCKY'S CHALLENGE — sambungan
6.00 PAW PAWS (Episod terakhir)
6.20 TIME ...... TO TIME
6.34 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.50 TIME ...... TO TIME — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 DRAMA TEMPATAN : "Haryati"
Cerita mengisahkan kasih sayang seorang nenek terhadap cucunya Haryati. Kalsom emak kandung Haryati cuba pula mengambilnya dari emak mertuanya. Semenjak cucunya berada di rumah Kalsom, dia selalu saja sakit dan fikirannya sering terganggu. Akhirnya Kalsom merasa kesal apabila mengetahui mak mertuanya jatuh sakit dan Haryati terpaksa kembali kepada neneknya.
7.44 AZAN ISYAK
7.49 DRAMA TEMPATAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 DOCUMENTARY : THE BIG ICE "Ice Society"
10.10 SWORD OF HONOUR
10.55 KNOTS LANDING : "Little Assistance"
11.50 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI SABTU
## 14 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE LAST FRONTIER : "Shipwreck"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan
6.00 VALERIE : "Caught On A Hot Tin Roof"
6.20 THUNDERCATS
6.34 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.50 THUNDERCATS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE EQUALIZER : "Dead Drop"
Apabila seorang yang tidak berdosa terlibat dalam satu penerangan bertulis yang menyalahi undang-undang negara, Equalizer telah dipuah untuk menyelamat nyawa orang tersebut.
7.44 AZAN ISYAK
7.49 THE EQUALIZER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 BINTANG KECIL '87 : PERINGKAT SEPARUH AKHIR
10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.40 WYNNE AND PENKOVSKY
12.25 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI AHAD
## 15 FEBRUARI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.18 THIS WEEK'S MUSIC
12.37 AZAN ZUHUR
12.41 MUSICAL — sambungan
1.05 THE FALL GUY : "Lad In Green"

**PETANG**

1.55 TAYANGAN GAMBAR : "The Phantom Tollbooth"
Seorang budak lelaki yang merasa bosan memikirkan bahawa segala-galanya adalah membuang masa sehinggalah dia memandu walaupun hanya palang terlentang di tempat cukai dalam kereta mainan. Dengan sikapnya yang selalu merasa bosan meletaknya dalam keadaan selalu tenang, tetapi dia telah diselamatkan oleh seekor anjing ghaib dan mereka bersama-sama meninggalkan untuk memulakan perjalanan melalui Kingdom of Wisdom.
3.30 DUNGEONS AND DRAGONS : "Citadel Of Shadow"
3.55 AZAN ASAR
3.59 TRANSFORMER
4.30 DRAMA TEMPATAN : "Haryati" (ulangan)
5.10 SPORTS
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 SPORTS — sambungan
6.05 THE WIND IN THEIR HANDS (Episod terakhir)
6.20 WHO'S THE BOSS : "Custody"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.50 WHO'S THE BOSS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 OUR HOUSE : "First Impressions"
Secara kebetulan Jessie berada berdekatan dengan kejadian pembunuhan berlaku dan apabila kereta yang dipandu oleh mereka hendak melarikan diri, Jessie sempat mengenali salah seorang dari mereka. Beberapa hari kemudian, Kris memperkenalkan seorang kawan kepada Jessie dan secara kebetulan dia adalah orang yang dilihat oleh Jessie semasa dalam kereta. Apabila Jessie pergi ke balai polis dengan keterangan-keterangan ini, dia mendapati bahawa kawan Kris itu sebenarnya "kidie-cop" yang bekerja secara rahsia di sebuah sekolah tinggi.
7.44 AZAN ISYAK
7.49 OUR HOUSE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 MARI MEMASAK : "Ayam Gulung Kukus" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
9.15 HIBURAN TEMPATAN : Dendang Juara
10.00 THREE'S COMPANY : "Jack's Double Date"
10.30 OUR FAMILY HONOUR : "Everybody Is A Star"
11.20 ALFRED HITCHCOCK : "Canary Sedan"
11.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI ISNIN
## 16 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 YOGI'S TREASURE HUNT
4.55 FRAGGLE ROCK (Episod terakhir)
5.20 ECONOMIC TODAY
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE COSBY SHOW : "A Girl And Her Dog"
6.15 KUIZ RIA
6.34 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.50 KUIZ RIA — sambungan

**MALAM**

4.27 SUSUNAN RANCANGAN INGGERIS
7.17 STINGRAY (Siri baru)
7.44 AZAN ISYAK
7.49 STINGRAY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 SUPERSTARS OF WRESTLING
9.50 TAYANGAN GAMBAR : "One Spy Too Many"
11.20 MUSICAL : LOVE SONGS
12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

## HARI SELASA
## 17 FEBRUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE KIDS FROM 47A : "Cinderrella"
Kisah Cinderrella, tetapi amat berbeza dengan Jess apabila dia menjemput pasukan bola sepak County Club tetapi memikirkan dia sendiri tidak dapat hadir disebabkan tidak mempunyai pakaian yang sesuai untuk majlis itu. Tetapi Will dan George menghadapi masalah apabila mereka meminjamkan pakaian untuk Jess.
4.55 NATURE WATCH
5.20 MICKEY AND DONALD
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI MEMASAK : "Ayam Gulung Kukus" (ulangan)
6.15 CHARLES IN CHARGE : "Dating"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.50 CHARLES IN CHARGE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 AIRWOLF : "Where Have All The Children Gone" (Episod terakhir)
7.44 AZAN ISYAK
7.49 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 RENCANA TEMPATAN : "Bahagian Kebudayaan" Siri I
9.20 ARENA SUKAN
10.20 MAGGIE : "Career"
10.50 THE LAST FRONTIER
11.40 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

# rtb/Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# 'Keluarga Pak Awang'

DRAMA bersiri di radio merupakan salah satu rancangan mingguan yang agak penting diusahakan oleh Perkhidmatan Radio Brunei. Siri drama keluarga ini lebih banyak menekankan konsep 'Hal-Ehwal Semasa' yang diolah secara penulisan kreatif.

Sejak beberapa tahun yang lalu Bahagian Melayu, Perkhidmatan Radio Televisyen Brunei memang telah banyak menonjolkon drama-drama seperti ini. Menerusi drama-drama ini pula pihak Perkhidmatan Radio Brunei dapat menyalurkan 'informasi' penting, sebagai menambah pengetahuan dan juga membuka luas pemikiran masyarakat umum.

Pada awal tahun 1987 Perkhidmatan Radio Brunei sekali lagi telah mengetengahkan siri drama "Keluarga Pak Awang' bagi memenuhi selera pendengar. Tajuk siri drama ini sebenarnya telah dimulakan penerbitannya pada tahun 1986. Tetapi, pada tahun 1987 ini 'format' kandungan drama ini telah dirombak dan disesuaikan semula dengan kehendak aspirasi pembangunan negara tahun ini.

Apakah konsep baru "Keluarga Pak Awang" bagi tahun 1987 ini? Mungkin persoalan ini yang hendak diketahui oleh para peminat siri drama di radio.

Antara konsep penting yang hendak ditonjolkan dalam "Keluarga Pak Awang" ini ialah berusaha dan berdedikasi di dalam memenuhi kepentingan dunia dan juga akhirat.

Penglibatan "Keluarga Pak Awang" di dalam konsep yang ditonjolkan itu pula adalah bermula dari dalam keluarga Pak Awang sendiri. Mereka semua terdiri daripada isterinya; Bidah, dan anak-anaknya pula ialah Fatimah, Ali dan Ghani. Kemudian, "Keluarga Pak Awang" berhubungkait lagi dengan masyarakat di sekelilingnya. Mereka ini menggambarkan watak-watak tipikal di Negara Brunei Darussalam masa kini. Seterusnya, persoalan drama ini dikembangkan dari semasa ke semasa, mengikut rentak pembangunan negara hari ini.

Satu pertanyaan mungkin timbul lagi tentang bagaimanakah drama bersiri "Keluarga Pak Awang" ini diserapkan dengan unsur-unsur informasi dan berita-berita hal-ehwal semasa? Dan, adakah unsur-unsur ini menjejaskan kreativiti drama tersebut?

Sejauh ini pihak kami belum lagi menghadapi masalah di dalam mengendalikan drama bersiri ini. Bahkan penulis-penulis undangan yang tetap menyumbangkan skrip-skrip mereka juga sentiasa memahami apa yang kami kehendaki. Dalam erti kata yang lain penulis-penulis undangan tersebut tidaklah menulis atas dasar 'imaginasi' mereka sahaja, malahan, mereka juga memperlihatkan sikap 'sensitif' ataupun 'peka' dengan hal-ehwal pembangunan di negara ini. Sekaligus para penulis drama bersiri ini juga dianggap sebagai 'opinion leader' di dalam masyarakat pendengar.

Di samping itu, bentuk penulisan drama ini juga masih terkawal rapi dalam unsur-unsur kreatifnya.

Menerusi drama bersiri "Keluarga Pak Awang" ini kami penuh yakin ia akan dapat mengetengahkan persoalan-persoalan semasa, yang kadang-kadang didengar sambil lewa dari rancangan-rancangan lain di Radio Brunei. Tetapi, dengan olahan penulisan drama radio, maklumat-maklumat semasa itu akan lebih bermakna lagi kepada pendengar di negara ini.



SALAH satu babak dalam Drama TV HARYATI, kelihatan Haryati dirawat oleh Dr. Ariffin kerana mengidap penyakit perut.

## Sandiwara Radio:

# "Kapal Terbang"

PENULIS Sani A.B., Brunei kali ini mengemukakan skripnya yang berjudul KAPAL TERBANG untuk disiarkan melalui Sandiwara Radio Minggu Ini.

Kapal Terbang membawa tema cinta muda-mudi yang mendapat tentangan dari orang tua. Rusdi adalah orang tempatan yang pertama berjaya menyandang jawatan sebagai seorang juruterbang. Setentunya Wati sebagai kekasih Rusdi merasa berbangga dengan kejayaannya itu.

Apabila perhubungan Wati dengan Rusdi sampai ke pengetahuan Pak Saku, ayah Wati, ia menentang bersungguh-sungguh dan cuba mencari jalan agar Wati melupakan Rusdi. Ia tidak berkenan dengan kerjaya Rusdi sebagai seorang juruterbang.

Pak Saku begitu memandang rendah terhadap kerjaya juruterbang dan begitu menyanjung tinggi kerjaya seorang doktor sedangkan ia sendiri tidak menyedari yang kedua-kedua jawatan itu mempunyai taraf yang sama. Kerana itu ia berazam hendak menjodohkan Wati dengan Rahim sepupu Wati sendiri yang bekerja sebagai seorang doktor.

Wati menghadapi satu dilema. Rusdi pilihan hatinya sendiri dan Rahim pilihan ayahnya. Hatinya memang berkeras hendak meneruskan hasratnya hendak mendirikan rumahtangga bersama Rusdi, tetapi ia mendapat tentangan yang hebat dari ayahnya.

Ketibaan Rusdi dari menjalankan tugasnya pada satu hari, tidak seperti selalunya. Wati tidak datang untuk menyambut ketibaannya. Dari Jamil ia mendapat tahu tentang satu hal yang pasti akan menyentuh perasaan Rusdi. Apakah yang sebenarnya terjadi kepada Wati? Ikutilah sandiwara ini nanti melalui siarannya pada 15 Februari jam 11.30 pagi.

Racangan ini diterbitkan oleh Helan Thu.

## Drama Tv:

# 'Haryati'

DRAMA ini mengisahkan kisah seorang gadis bernama Haryati lebih menyayangi neneknya dari kedua ayah dan ibunya. Kalsom (ibu kandung Haryati) cuba pula mengambil Haryati dari ibu mertuanya kerana untuk mempertahankan haknya sebagai seorang ibu. Bertolak dari sinilah Haryati terpaksa menjalani beberapa liku untuk kembali kepada neneknya di kampung, iaitu setelah jalinan kasih sayang tersemai di sanubari Haryati bagaikan isi dengan kuku.

Dr Ariffin yang sering merawat Haryati di rumah sakit berpendapat bahawa melalui pemisahan Haryati dengan neneknya adalah menjadi salah satu punca masalah yang dihadapi oleh keluarga Kalsom. Selanjutnya Dr Ariffin menegaskan kepada Kalsom supaya Haryati segera dikembalikan kepada neneknya demi untutk ketenangan fikiran Haryati di samping penyakit yang dihadapinya.

Apakah yang akan terjadi terhadap Haryati selanjutnya......? Untuk mengetahui kisah selanjutnya kami bawa awda penonton mengikuti kisah selanjutnya pada 13 Februari kira-kira jam 7.20 malam.

Drama ini dijayakan oleh Md Zin Hj Omar, Maimon Abu Bakar, Shafiee Moktar, Nooruikmairah Abd Rahman, Abd Razak Haji Mahmud, Saadiah Md Yusof, Jauyah Duraman, dan Saleha Mohd Salleh.

## Tetamu Radio

RANCANGAN Tetamu Radio minggu ini akan diisikan dengan tetamu dari Indonesia, iaitu Ibu Mooryati Soedibjo. Silalah ikuti bualan kami bersamanya pada hari Ahad jam 4.30 petang.

## Dokumentari: Bahagian Kebudayaan (siri I)

SEGALA apa jua ciptaan manusia yang merupakan material atau non-material seperti tarian, nyanyian, lukisan dan seterusnya sistem ekonomi, pentadbiran, undang-undang, kepercayaan, muzik dan lain-lain adalah tergolong ke dalam erti kebudayaan. Di sini jelas menunjukkan bahawa masyarakat dan budaya tidak dapat dipisahkan kerana kedua-duanya merupakan sebentuk cincin dengan permata. Kalau tidak ada masyarakat, maka tidaklah ada budaya.

Minggu ini rancangan dokumentari siri pertama Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan cuba mendedahkan sedikit sebanyak kegiatan-kegiatan Bahagian Kebudayaan dalam perkhidmatannya sebagai sebuah badan kerajaan yang bertanggungjawab dalam usaha mengembang-luaskan dasar kebudayaan kebangsaan.

Tayangan dokumentari ini akan dapat awda saksikan pada 17 Februari jam 8.50 malam.

## Sudut Remaja

SUDUT Remaja Minggu Ini akan diisikan oleh Dk Rosdinah Pg Mohiddin. Dk Rosdinah akan mempersembahkan beberapa buah lagu yang antaranya Penyesalan dan Permintaan. Jangan lupa untuk mengikuti rancangan ini yang akan disiarkan pada 16 Februari jam 4.00 petang dan akan diulang siarannya pada 18 Februari jam 8.30 malam.



## Mari Memasak: Ayam Gulung Kukus

BAHAN-BAHANNYA:

- 1 paun isi ayam
- 4 aun tepung gandum
- 2 biji telur ayam
- 1 cawan santan pekat
- 2 batang daun bawang
- 2 batang daun sop
- 7 biji bawang merah *
- 3 ulas bawang putih *
- 1 sudu teh ketumbar *
- 1 sudu lada putih *
- 2 biji buah keras
- 1 sudu jintan manis *
- 1 hiris lengkuas *
- 2 sudu tomato sos *
- Garam, gula dan serbuk perasa *

* rempah-rempah untuk digiling.

UNTUK KULITNYA:

- 5 biji telur ayam
- $\frac{1}{2}$ sudu garam
- $\frac{1}{2}$ sudu lada putih
- 3 sudu makan air
- 2 senduk margarine

CARA MEMBUATNYA:

Cincang isi ayam sampai halus. Campur ayam dengan tepung gandum dan 2 biji telur yang sudah dipukul dengan garfu kemudian masukkan rempah-rempah yang digiling halus sesudah itu masukkan santan dan gaullah rata-rata.

Sementara itu siapkan kulitnya, pukul 6 biji telur campurkan garam, lada putih dan air sesudah itu dadarlah telur tadi nipis-nipis sebanyak 6 lembar atau lebih.

Setelah siap ambil 2 keping telur dadar, taruhkan bahan-bahan isi di tengahnya dan gulung. Sediakan kertas minyak yang disapu dengan margarine sesudah itu bungkuskan gulungan telur tadi dengan kertas minyak, dan kukuslah selama 30 minit. Bila masak angkat dan sejukkan. Buangkan kertasnya dan sapu acuan dengan margarine dan bakarlah dalam oven sampai kuning, barulah diangkat dan dihidangkan. Dipotong-potong serong dan hiaskan mengikut suka.



## Mari Berpantun

HARI ini pantun seakan-akan dilupakan oleh masyarakat Melayu terutama golongan generasi baru. Walau bagaimanapun, kami perkhidmatan Melayu Radio Brunei berusaha untuk menghidupkan semula warisan puisi lama.

Matlamat utama pada menghidupkan semula rancangan ini adalah pada memenuhi citarasa pendengar di mana saja perkhidmatan Radio Brunei dapat diikuti.

Seperti kelihatan dalam gambar atas penyampai rancangan Md Shah Hj Salleh dan Zainab Hj Md Taha menerima penerangan dari Penerbit rancangan Hasnan Suhaili sebelum rakaman dijalankan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENOLONG PEREKA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENOLONG PEREKA di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod: 106 16-265)

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 – $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan :**

i) 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Lukisan.

ii) Berpengalaman tidak kurang dari 3 tahun dalam bidang yang berkaitan.

ATAU

) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Penolong Pereka Rendah atau jawatan-jawatan yang sebanding dan berkaitan dengannya dan berpengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam jawatan-jawatan tersebut.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

) Mengelola dan mengawas unit rekaan dan fesyen.

) Menyediakan keperluan-keperluan pakaian dan hiasan untuk persembahan kebudayaan dan yang berkaitan dengannya.

) Mencipta pakaian-pakaian untuk persembahan kebudayaan.

) Memilih bahan-bahan keperluan persembahan kebudayaan menurut kesesuaiannya.

) Membuat kajian dan penyelidikan dalam bidang rekaan dan fesyen pakaian serta perhiasan bersifat kebruneian bagi memberi kewibawaan kepada persembahan kebudayaan.

) Menjaga keselamatan dan kesempurnaan alatan/perkakas Unit Rekaan dan Fesyen.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 14 Mac, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 10/1987).

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

No. 6/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di perbuat oleh Hajjah Hamidah binti Drus kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Hj Harry bin Yaman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 24 Februari, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 31 Januari, 1987.

No. 256/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Pg Zabidah binti Pg Haji Ahmad kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Dk Rauyah binti Pg Haji Ahmad yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik-beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 17 Februari, 1987 jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 27 Januari, 1987.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 3.00 petang pada hari Rabu 25 Februari, 1987 bagi perkara berikut : —

| | Membekal Topi Pakaian Seragam | Size | Banyak | Harga |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Topi Pegawai Berkecipiue Beldu | $6\frac{5}{8}$ | 6 | .................. |
| 2. | Topi Pegawai Berkecipiue Beldu | $6\frac{3}{4}$ | 6 | .................. |
| 3. | Topi Pegawai Berkecipiue Beldu | 7 | 6 | .................. |
| 4. | Topi Ahli Bomba Berkecipiue Beldu | 7 | 6 | .................. |
| 5. | Topi Ahli Bomba Berkecipiue Berkilat | $6\frac{1}{2}$ | 16 | .................. |
| 6. | Topi Ahli Bomba Berkecipiue Berkilat | $6\frac{5}{8}$ | 39 | .................. |
| 7. | Topi Ahli Bomba Berkecipiue Berkilat | $6\frac{3}{4}$ | 36 | .................. |
| 8. | Topi Ahli Bomba Berkecipiue Berkilat | 6 | 2 | .................. |

2. Topi Pakaian Seragam hendaklah dibekalkan dalam tempoh waktu yang memuaskan bagi Ketua Pegawai Bomba Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam. Jika keadaan tersebut tidak memuaskan hati, topi-topi itu akan dikembalikan kepada pemborong tanpa sebarang tawaran.

3. Pembekal-pembekal adalah dikehendaki supaya dapat menghadapkan katalog-katalog dan butir-butir keterangan yang lengkap. Semua harga adalah berdasarkan CIF Brunei, dalam matawang Brunei. Keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pegawai Stor Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat biasa yang tertutup, dengan tidak mempunyai sebarang tanda yang melambangkan nama pembekal dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi (Chairman) Lembaga Tawaran Kecil dan dituliskan dengan jelas "Topi Pakaian Seragam Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang".

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada harga yang murah dan sebarang tawaran.

## SEBAGAI TEKNISYEN KAPAL TINGKAT KHAS

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TEKNISYEN KAPAL TINGKAT KHAS di Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei (Bahagian Laut), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod: 072 58-270)

**Tanggagaji :** D. 4 EB. 5 — $1225-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Mempunyai kelulusan BTEC Diploma dalam bidang kejuruteraan Mekanik dan kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Lulus dalam latihan Kejuruteraan Mekanik dari Sekolah Pertukangan serta mempunyai tidak kurang dari 5 tahun pengalaman dalam kerjaya kejuruteraan perkapalan.

b) Berpengalaman membuat kerja-kerja enjin-enjin ICE (Enjin Pembakar Dalam), gear boxes, steering gear dan Supporting System bagi enjin-enjin kapal adalah merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh tutup: 7 Mac, 1987.**

(E/1894/77)

(Bilangan Pendaftaran: 13/1987).

## Sebagai Ketua Pegawai

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan sebagai KETUA PEGAWAI di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan-kelayakan :**

a) (i) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma) dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU

(ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan sekurang-kurangnya Pegawai Penjara atau jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

b) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang tinggi dan menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 4 inci.

d) Dada sekurang-kurangnya 34 inci apabila tidak ditarik nafas.

e) Tubuh badan yang sihat dan tegap.

f) **Hanya pemohon lelaki akan dipertimbangkan.**

**Tanggagaji :**

Dalam sukatan gaji P. 7 —
$1550 1610 1670 1730
1790 1850 1910 1970
EB 2030 2095 2160
2225 2290.

Elaun 'P' sebanyak $100.00 sebulan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, atau Ibu Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong atau Peti Surat No. 2256 Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 9 Mac, 1987.

## JABATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin seperti tarikh yang telah ditetapkan di bawah bagi membekalkan perkara-perkara untuk Jabatan Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam.

**TAWARAN BIL. 1/1987**

Tajuk: "MEMBEKAL PERAHU BOMBA BAGI MELAWAN KEBAKARAN"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $500.00 (lima ratus ringgit)

**TAWARAN BIL. 2/1987**

Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS BOMBA"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $200.00 (dua ratus ringgit)

**TAWARAN BIL. 3/1987**

Tajuk: "MEMBEKAL LIGHT WATER 3 M BRAND DAN HIGH EXPANSION FORM"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $300.00 (tiga ratus ringgit).

**TAWARAN BIL. 4/1987**

Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS PENYELAMAT"
Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran: $300.00 (tiga ratus ringgit)

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Pegawai Turus Kanan Jabatan Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran yang lewat sampai selepas tarikh yang tersebut di atas tidak akan diterima.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran yang tidak munasabah.

## TAWARAN JABATAN BOMBA

NO. 5/1987

TAWARAN adalah bagi RADIO COMMUNICATIONS AND INSTALLATIONS.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 16 Februari, 1987.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "TENDER FOR RADIO COMMUNICATIONS AND INSTALLATIONS, JABATAN BOMBA."

4. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pegawai Perhubungan & Kerahan, Ibu Pejabat Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran sebanyak $500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik Kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Penguasa Taman Dan Bunga

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENGUASA TAMAN DAN BUNGA di Jabatan Lembaga Bandaran Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**(Bilangan Kod: 066 62-961)**

**Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — $1,450-$2,270 sebulan.**

**Kelayakan:**

a) Higher National Certificate (HNC) dalam Land Scaping, pertanian atau Horticulture atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (termasuk satu (1) mata pelajaran Sains) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja penguasaan taman dan bunga atau yang berkaitan dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan di Bahagian III dalam jawatan Pengawas atau yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja pengurusan taman dan bunga atau yang berkaitan tidak kurang dari 7 tahun.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Bagi perancangan, pengawasan dan penyelidikan bahagian Bunga-Bunga dan Tanaman dalam usaha mencantikkan alam sekitar, taman-taman dan kawasan-kawasan dalam lingkungan Bandaran.

b) Mengetuai bahagian Taman-Taman dan tempat Rekreasi Lembaga Bandaran.

c) Pengawasan Pegawai-Pegawai dan kakitangan serta alat-alat perkakas termasuk bunga-bungaan di bahagian Taman dan Bunga.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 28 Februari, 1987.

(E/2788/86)

(Bilangan Pendaftaran: 5/1987).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/5/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF DELIVERY OF AIR FIELD LIGHTING ACCESSORIES.

Tarikh tutup: 9 Mac, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang **lanjut bolehlah diperolehi dari** Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/13/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY CLAMP ON AMMETER

Tarikh tutup: 4 Mac, 1987.

Cagaran: $100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/14/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 6,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/15/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 10,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/16/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 12,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/17/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 18,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/18/1987**

Tajuk kerja: MEMBEKAL UNIT-UNIT PENGATUR HAWA DINGIN 24,000 BTU/HR DAN DEHUMIDIFIER UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Pembekal yang diiktirafkan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PASUKAN SIMPANAN GURKHA

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran untuk membekalkan Perkakas-Perkakas Kesihatan kepada Pasukan Simpanan Gurkha.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Ibu Pejabat Pasukan Simpanan Gurkha, Perkhemahan Sungai Akar dan pada ketika yang sama boleh melihat contoh-contohnya.

3. Pengiriman Perkakas-Perkakas Kesihatan dan Kebersihan adalah dikehendaki dalam 3 peringkat pengiriman seperti berikut:—

a) Pengiriman pertama pada 7 April, 1987.

b) Pengiriman kedua pada 7 Julai, 1987.

c) Pengiriman ketiga pada 7 Oktober, 1987.

4. Sebutan harga hendaklah termasuk dengan pengiriman ke Ibu Pejabat Pasukan Simpanan Gurkha di Perkhemahan Sungai Akar, Jalan Muara.

5. Pertukaran perkakas-perkakas yang telah berjaya dalam tawaran tidak akan diterima.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa tanpa sebarang tanda penawar. Sampul surat hendaklah ditulis dengan "PEMBEKALAN PERKAKAS - PERKAKAS KESIHATAN DAN KEBERSIHAN KEPADA PASUKAN SIMPANAN GURKHA" pada sudut kiri sampul tersebut.

7. Tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Surat Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari 23 Mac, 1987 hari Isnin.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PASUKAN BOMBA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NO. 6/1987

TAWARAN adalah bagi COMMUNICATION EQUIPMENTS AND INSTALLATIONS.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 Februari, 1987.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "Tender for Communication Equipments and Installations" Jabatan Bomba.

4. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Pegawai Perhubungan dan Kerahan, Ibu Pejabat Pasukan Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran sebanyak $500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal atau quari-quari untuk membekalkan batu-batu kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama dua (2) tahun, iaitu mulai sebaik-baik sahaja keputusan Lembaga Tawaran dibuat dan dimaklumkan kepada yang berjaya tawarannya diterima. Jenis-jenis batu yang dikehendaki oleh Jabatan ini adalah seperti berikut:—

1. Crusher Run Stone
2. Crushed Stones ¾ inches
3. Round Stones (Mixed)
4. Block Stones
5. Dust Stones
6. Selected Round Stones of not less than 6 inches.

2. Pembekal-pembekal hendaklah menyatakan harga bagi tiap-tiap satu ela padu dan juga harga bagi tiap-tiap satu tan berat mengikut jenis batu yang disenaraikan. Harga tawaran tersebut tidaklah termasuk pengangkutan.

3. Pembekal mestilah bersedia dan boleh membekalkan pesanan yang dibuat dan dikehendaki dari semasa ke semasa dengan cepat. Pengangkutan batu-batu tersebut adalah disediakan oleh jabatan ini.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Bru[nei] Darussalam boleh membatal[kan] pembekal yang berjaya sekiranya terdapat perkhid[matan] yang tidak memuaskan pada bila-bila masa atau/da[n] kemungkinan tidak lagi dipertimbangkan bagi tawaran-tawaran akan datang.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim di luar sampul surat itu kecuali di tulis dengan bilangan tawaran Bil: JDB/B/1/87. MEMBEKALKAN BATU KEPADA JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA.

6. Semua tawaran hendaklah dihantar dan sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin [..] Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang lewat sampai pada tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi The Supply and Delivery of Voice Frequency Telegraph (V.F.T.) Systems.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari 2 Mac, 1987. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran yang terpilih akan dikehendaki menghantar contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan penendar sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 21 hari selepas pemberitahuan.

4. Penendar-penendar yang terpilih dengan perbelanjaan mereka akan dikehendaki untuk memasang dan menunjukkan pengendalian sistem tersebut kepada Pengarah Telekom atau wakil. Contoh-contoh sistem akan dikembalikan kepada penendar-penendar yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika penendar-penendar gagal menghadapkan contoh atau gagal memasang dan menunjukkan sistem dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran mesti[lah] dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan identiti pemborong:—

TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF VOICE FREQUENCY TELEGRAPH (V.F.T) SYSTEMS.

Tender Ref:

JTB/STEE (P)/16/86

7. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat Satu, Jalan [Sul]tana Darussalam Bandar Seri Begawan dengan men[unjuk]kan resit cagaran berjumlah B$200.00 (tidak dikembalikan) dan B$1,000.00 (dikembalikan).

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau dengan Cek Tempatan bersama dengan Bank Guarantee.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat [..] Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12 tengah hari, hari Isnin 16 Februari, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN BIL.: 5/1987

TARPAULIN CANVAS, EYELETTED AND ROPED APPROX: 3FT. INTERVALS, DOUBLE END
Size: 20' x 30' — 200 Nos.

TAWARAN BIL.: 6/1987 PERSFEX SHEET CLEAR
(a) Size: ⅛" (3mm) x 4' x 6' — 150 Sh.
(b) Size: ¼" (6mm) x 4' x 6' — 200
(c) Size: ⅜" (10mm) x 4' x 6' — 60

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu [..] Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan. Negara Brunei Darussalam.

1) PENOLONG BEKALAN MAKANAN:

(Bilangan Kod: 062 50 — 052)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

**Tanggagaji**: D. 3-4-5 EB. 6 — $900-$1785 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Ordinary National Diploma (OND) dalam Business Studies atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

i) City and Guilds 855/856 atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan tidak kurang dari 3 tahun.

b) Berpengalaman dalam pengurusan serta mahir menguruskan permakanan Rumah Sakit akan diberi keutamaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Membuat peruntukan bagi pesanan barang-barang permakanan harian Rumah Sakit.
b) Membuat penyusunan senarai permintaan makanan Rumah Sakit harian (Daily Diet Requisition) dan menentukan banyaknya.
c) Membuat sukatan permintaan barang-barang yang akan dipesan pada pemborong dan mempastikan barang-barang yang dipesan adalah mencukupi dan dalam keadaan baik dari segi Quality dan Quantity
d) Mengeluarkan atau memesan barang-barang keperluan dapur.

2. PEMBANTU TEKNIK PELATIH:

(Bilangan Kod: 084 03 — 994)

(Di Jabatan Kerja Raya. Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji :** D. 1-2—$530-$820 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Lulus mata pelajaran Matematik, atau Sains atau mata pelajaran yang bersesuaian Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya tidak kurang dari 5 tahun dalam jawatan-jawatan yang berikut:
i) Tukang Lukis.
ii) Pengawas Kecil.
iii) Tradesman Tingkat I.
iv) Treatment Plant Attendan Tingkat I.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam open-vote atau bergaji hari dan berpengalaman praktikal yang mencukupi dalam bidang-bidang yang bersesuaian seperti juruteknik awam, pembinaan, bangunan, mekanik atau akitik teknik.

3. BIDAN TERLATIH//PELAJAR:

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)

(Bilangan Kod: 062 C7 320)

**Bidan Pelajar :** M1—$500-$685 sebulan.

**Bidan Terlatih :** M2—$550-$940 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Hendaklah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun.
b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang bersedia untuk kembali ke kampung masing-masing untuk berkhidmat sebagai Bidan setelah memperolehi kelayakan.

**Lain-lain Syarat :**

a) Calon-calon yang berjaya akan menjalani latihan selama 2 tahun di Sekolah Perbidanan, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
b) Setelah menamatkan latihan selama 6 bulan, bidan-bidan pelajar yang tidak mencapai darjah yang memuaskan dalam menjalani latihan ini mungkin diberhentikan daripada jawatan mereka.
c) Tempat tinggal akan disediakan semasa menjalani latihan.
d) Bidan pelajar yang dilantik di bawah peraturan ini akan berhak mendapat pakain seragam dan elaun dhobi.

4. PENYEMAK:

(Bilangan Kod: 056 39 — 940)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau kelulusan yang sebanding dengannya.
b) Berpengalaman dalam bidang kerja-kerja percetakan dan penerbitan tidak kurang dari 3 tahun.
c) Boleh menguasai 2 bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) dan dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Membantu Ketua Penyemak dan Penyemak Kanan dalam kerja-kerja penyemakan untuk menentukan mutu dan keseragaman bentuk penerbitan.
b) Membuat pembaikan, pembetulan atau penyuntingan terhadap karangan atau manuskrip yang hendak diterbitkan.
c) Menyemak dan membetulkan untuk memelihara hakcipta penerbitan.

5. PEGAWAI FOTO:

(Bilangan Kod: 041 16 — 310)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) DATEC Diploma dalam bidang Senifoto atau kelulusan dan bidang yang sebanding berkaitan dengannya.

ATAU

b) i) 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) 3 tahun pengalaman dalam bidang Senifoto.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pembantu Bilik Gelap atau jawatan yang sebanding dengannya.
ii) 3 tahun pengalaman dalam bidang Senifoto.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

i) Membuat kerja-kerja penggambaran yang diarahkan oleh mana-mana pegawai di Jabatan Pusat Sejarah.
ii) Bertanggungjawab atas pemeliharaan semua alat-alat kelengkapan penggambaran.
iii) Membantu Pegawai Foto Kanan dalam tugas-tugas harian.

6. PEMBANTU PERHUTANAN:

(Bilangan Kod: 055 05 — 376)

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji :** D. 3-4 EB. 5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) TEC Diploma dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mata pelajaran Sains atau Biologi.
ii) Berpengalaman dalam bidang Perhutanan tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Perhutanan Rendah atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

7) PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH:

(Bilangan Kod: 055 05–377)

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** D. 1-2 EB. 3 — $530-$1125 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
ii) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang memperolehi kelulusan dalam mata pelajaran sains, terutama sekali dalam mata pelajaran Botany atau Biology atau Matematik.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Sedang dan telah berkhidmat tidak kurang dari satu tahun di Jabatan Perhutanan.
iii) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang memperolehi kelulusan kepujian dalam mata pelajaran Sains dan Matematik.

ATAU

i) Sedang dan telah berkhidmat tidak kurang dari tiga tahun di Jabatan Perhutanan.
ii) Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya.

8) JURUTAIP: (Bilangan Kod: 056 32 140)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB.4-5 $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menaip tidak kurang dari 3 tahun.

b) Mempunyai Sijil menaip dan trengkas merupakan satu kelebihan.

9) OPERATOR MALAM LELAKI : (Bilangan Kod : 095 38–020)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)

**Tanggagaji :** D. 2-3 EB. 4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Empat mata pelajaran Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Tiga tahun pengalaman sebagai telefonis atau telefon operator dan sebaik-baiknya mengetahui peraturan panggilan antarabangsa.

b) Mestilah mempunyai kebolehan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

10) PENGAWAS TANAH-TANAH PERKUBURAN : (Bilangan Kod : 088 70–102)

(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama)

**Tanggagaji :** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengetahuan Ugama Islam.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman dalam mengatur, mengawas dan mengawal pekerja-pekerja rendah tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam mengatur, mengawas dan mengawal pekerja-pekerja rendah.

b) Tahu membaca dan menulis jawi.

11) PEMBERITA :

Bilangan Kod : 009 15–930)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $900-$1625 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Diploma dalam kewartawanan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pelatih Pemberita atau jawatan yang sebanding bersesuaian dengannya tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

c) Pengalaman dalam Pemberitaan tidak kurang dari 5 tahun dan dapat memperlihatkan kepercayaan serta membuktikan kecekapan dan kebolehannya.

**Lain-lain Syarat :**

Lulus ujian bertulis yang akan diadakan oleh Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Melaporkan kepada Penyunting yang bertugas bagi mendapatkan bahan berita segera. Bertindak sebagai penghubung utama dengan orang ramai mengikut arahan, dan mengambil gambar-gambar dan membuat rakaman acara-acara. Adakalanya dikehendaki untuk membantu dalam kerja-kerja menyunting.

12) OPERATOR TELEKS :

(Bilangan Kod: 059 38–044)

(Di Jabatan Arah Dasar dan Pentadbiran, Kementerian Pertahanan)

**Kelayakan :**

**Tanggagaji :** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

a) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Tiga tahun pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonon mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 9 Mac, 1987.

( E/2967/86 )

Bilangan Pendaftaran: 6/1987

### JABATAN TELEKOM
### PENDAFTARAN PEMBEKAL-PEMBEKAL

RUJ. : A/1/1987

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pengusaha-pengusaha, pembekal-pembakal dan wakil-wakil yang berkelayakan untuk didaftarkan di dalam Jabatan Telekom bagi tahun 1987 sebagai pembekal-pembekal bagi sebahagian atau keseluruhan perkara-perkara yang tersebut di bawah.

Tanda 'PENDAFTARAN PEMBEKAL-PEMBEKAL A/1/1987' bagi semua permohonan hendaklah ditulis di sudut sebelah kiri sampul-sampul surat dan dialamatkan kepada Pengarah Telekom, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan hendaklah sampai ke pejabat ini pada atau sebelum 28 Februari, 1987.

Contoh borang permohonan dilampirkan di bawah :

**PERKARA**

1. Kabel-kabel Telefon (Telephone Cables)
2. Barang-barang keperluan kabel (Cable Accessories)
3. Rangka-rangka dan penutup saluran (Manholes Frames and cover)
b. Rangka-rangka bagi pembahagian kabel (Cable Distribution Frames)
5. Blok Terminal (Terminal Block)
6. Tiang-tiang dan pemasangannya (Logam dan Kayu) (Poles and Poles Fittings (Metal and Wooden)

CONTOH BORANG PERMOHONAN

Pendaftaran Pembekal-pembekal (A/1/1987)

Nama Pertubuhan :
Nama Ketua :
Alamat :
No. Telefon :
No. Teleks :
Keterangan bertulis mengenai pendaftaran Syarikat :
Surat sebagai wakil pembekal :
Perkara-perkara yang boleh dibekalkan :
Haribulan :

..........................................
Tandatangan Ketua

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Penyelenggara Stor Tingkat III

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELENGGARA STOR TINGKAT III di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

( Bilangan Kod: 036 39-143 )

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.

c) Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi keutamaan.

d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringa**an :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Mac, 1987.

( Bilangan Pendaftaran: 9/1987 ).

( E/211/81 )

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,

tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 Februari 1987 bagi membekal perkara-perkara berikut :

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DMS/10/1987 | Membekal dan menghantar "Surgical Dressing" Part II bagi tempoh 2 tahun. | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |
| DMS/11/1987 | Membekal dan menghantar "Medical and Surgical Part Sundries" Part II bagi tempoh 2 tahun. | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |
| DMS/12/1987 | Membekal dan menghantar "Laboratory Supplies" Part II bagi tempoh 2 tahun. | $300.00 + $ 25.00 (dokumen) |

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan di'ayan

3. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

4. Semua tawaran hendaklah dihantar da'am sampul surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PELAJARAN

1. TAWARAN-tawaran hendak'ah dimasukkan ke da'am Peti Tawaran yang terletak di 'uar Bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan:

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan).

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : —

| | | |
|---|---|---|
| Selasa-Khamis | 8.00 pagi | – 11.00 pagi |
| | 2.00 petang | – 3.00 petang |
| Isnin dan Sabtu | 8.00 pagi | – 10.00 pagi |

5. Cagaran tawaran ada'ah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran | Tarikh Tutup |
|---|---|---|---|
| DA/TQ/12/87 | Membekal dan menghantar student desk and chairs | $500.00 | 25 Feb. |
| DA/TQ/13/87 | Membekal, menghantar dan mencetak buku rancangan dan persediaan mengajar bagi sekolah-sekolah rendah | $100.00 | 18 Feb. |

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada Rabu 18 Februari, 1987.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : —

| | | | |
|---|---|---|---|
| Selasa-Khamis | 8.00 pagi | — | 11.00 pagi |
| | 2.00 petang | — | 3.00 petang |
| Isnin-Sabtu | 8.00 pagi | — | 10.00 pagi |

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mesti'ah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DA/TQ/ 8/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Sekolah Menengah Berakas | $300.00 |
| DA/TQ/ 9/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Maktab Sains dan Perumahan | $500.00 |
| DA/TQ/10/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Kawasan Perumahan | $500.00 |
| DA/TQ/11/87 | Memotong Rumput dan Pemeliharaan Kawasan Perumahan Guru-Guru S.M. Muda Hashim, Tutong | $300.00 |

## TAWARAN KANTIN KEMENTERIAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk menyewa dan menguruskan sebuah Kantin di Bangunan Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussa'am dengan syarat-syarat berikut : —

1. Tawaran ini adalah untuk tempoh dua tahun buat peringkat awal, akan tetapi jika didapati perkhidmatan memuaskan maka kontrak untuk tahun berikutnya akan dipertimbangkan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh kontrak berakhir di mana pihak penyewa hendaklah menghadapkan permohonan secara bertulis.

2. Pemohon-pemohon adalah dikehendaki untuk menyediakan makanan dan minuman termasuklah makan tengah hari seperti yang terkandung dalam borang tawaran.

3. Pemohon-pemohon hendaklah bersedia memberikan khidmat layanan seperti berikut : —
   a) Khidmat melalui pelayan di kantin (waiter service type).
   b) Kaunter layan sendiri kantin (self-service counter).
   c) Khidmat pesanan melalui pe'ayan menghantar ke Bilik-Bilik Mesyuarat.

4. Perkhidmatan hendaklah dilakukan pada tiap-tiap hari bekerja tetapi akan ditutup pada waktu-waktu yang dinyatakan di bawah ini : —
   a. **Sebelah Pagi**
      i) Jam 7.45 pagi hingga 8.30 pagi
      ii) Jam 9.30 pagi hingga 12.15 tengah hari
   b. **Sebelah Petang**
      i) Jam 1.30 petang hingga 2.45 petang
      ii) Jam 3.30 petang hingga 4.30 petang.

5. Pemohon yang berjaya sama sekali tidak dibenarkan menyewakan semula kepada orang lain dan jika didapati berbuat demikian kebenaran akan dibatalkan

6. Pemohon-pemohon yang berjaya adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan dan keselamatan termasuk kawasan serta alat-alat perkakas kantin dan juga mempastikan bahawa semua bahan-bahan dan makanan adalah halal mengikut hukum Islam.

7. Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah menyediakan bilangan pelayan-pelayan yang cukup sekurang-kurangnya dapat menampung dalam tiga perkhidmatan seperti disebutkan di (3) dan mereka ini hendaklah berpakaian SERAGAM dengan mempunyai LENCANA NAMA serta sentiasa hormat kepada pelanggan.

8. Pemohon-pemohon hendaklah membayar wang cagaran (deposit) sebanyak $250.00 tunai dan wang cagaran (deposit) ini akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

9. Borang tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan dan Pentadbiran, Tingkat Dua Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada tiap-tiap hari bekerja jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi.

10. Borang tawaran hendaklah disertakan dengan kenyataan lengkap seperti Lesen Perniagaan dan pengalaman-pengalaman yang telah lalu dan juga senaraikan barang-barang makanan, minuman dan jenis-jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya.

11. Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

TENDER KANTIN KEMENTERIAN PELAJARAN

BIL. : DA/TQ/14/87

12. Permohonan akan ditutup tidak lewat jam 3.00 petang hari Rabu 25 Februari 1987.

13. Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bera amat seperti di atas tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 9 Mac 1987.
2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang bertutup tanpa menunjukkan identiti pembekal di sampul surat tersebut. Bagaimanapun Bilangan Nombor rujukan (Ref No.) dan tarikh tutup tawaran hendaklah ditulis dengan jelas
4. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut boleh didapati dengan membuat permohonan kepada Pengarah Penyiaran dan Penerangan UP: Jurutera Penguasa, Jabatan Penyiaran dan Penerangan (Radio Televisyen Brunei), Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Bilamana dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, tawaran hendaklah menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Jika cagaran tawaran dikehendaki, ianya akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang tulen (bona-fide tender).
7. Semua tawaran-tawaran, yang dimestikan memberi harga bersih CIF melalui penghantaran udara, hendaklah menyatakan tarikh terakhir bagi pengiriman barang-barang/tarikh terakhir siap perkhidmatan. Jika pemborong yang berjaya gagal memenuhi tarikh ini maka Pengarah Penyiaran dan Penerangan adalah berhak membatalkan pembeliannya terutama sekali jika perkara seperti ini akan menjejaskan perjalanan operesen Radio Televisyen Brunei. Jika ini berlaku cagaran tawaran yang dibayar akan diambil milik.
8. Jaminan masa dan syarat-syarat hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam tawaran.
9. Harga-harga tawaran mestilah sah bagi tempoh sehingga sekurang-kurangnya 120 hari dari tarikh tutup tawaran.
10. Bagi pembekalan barang daripada syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam tidak dibenarkan dihantar terus kepada Jabatan Penyiaran dan Penerangan daripada pihak pembekal atau pengeluar luar negeri dan oleh yang demikian mestilah memasukkan 20 peratus cukai import (jika dikenakan cukai).
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

### NOTIS TAWARAN NO. RTB/01/97 — CLEANING OF RTB PREMISES 1987/89

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian, Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan daripada pemborong-pemborong tempatan, tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Mac 1987 bagi pembersihan Bangunan RTB/1987/189.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang ditutup tanpa identiti pembekal. WALAU BAGAIMANAPUN BILANGAN RUJUKAN TAWARAN MESTILAH DITUNJUKKAN DENGAN JELAS.
4. Pembekal yang berjaya akan menandatangani dengan Pengarah Penyiaran dan Penerangan satu kontrak yang akan beroperasi selama dua tahun dan dibaharui pada tiap-tiap tahun. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jurutera Penguasa, Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam siapa yang mana akan membuat persiapan bagi satu pemeriksaan rapi bangunan. Kegagalan untuk mendapatkan faedah dari persiapan-persiapan tersebut boleh menyebabkan tawaran tidak dimasukkan dalam pertimbangan akhir. Tarikh dan waktu pemeriksaan akan diberitahu ketika mengambil dokumen-dokumen.
5. Kesemua tawaran adalah dikehendaki menghadapkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, dua tawaran harga bagi kontrak pembersihan setahun. Tawaran-tawaran harga itu hendaklah dibuat di bawah tajuk-tajuk kecil yang berikut :
   - i) Tawaran harga termasuk pembekalan bahan-bahan kimia (seperti mana dalam Jadual 7.3 Appendix D Kontrak Pembersihan yang boleh diperolehi beserta butir-butir lain kontrak).
   - ii) Tawaran harga yang tidak memasukkan pembekalan bahan-bahan kimia (iaitu bahan-bahan kimia akan dibekalkan oleh RTB)
6. Pembekal bersetuju bahawa harga-harga akan terus sah bagi tempoh minima selama 120 hari dari tarikh tutup tawaran.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

### TAWARAN BIL. RTB/02/87

1. Tawaran-tawaran akan diterima bagi pembekalan injap-injap pemancaran baru yang dibuat oleh International Telephone & Telegraph Corporation atau Standard Te'ephone & Cable Component Ltd di bawah tajuk :

   PEMBEKALAN INJAP-INJAP ITT/STC — TAWARAN BIL.: RTB/02/87 (Supply of ITT/STC Valves — Tender No. RTB/02/87).
2. Dokumen-dokumen tawaran boleh'ah diperolehi daripada Jurutera Penguasa RTB semasa waktu bekerja mulai dari pengumuman tawaran sehingga empat hari sebelum tarikh tutup tawaran.

### TAWARAN BIL.: RTB/03/87

1. Tawaran-tawaran akan diterima bagi pembekalan injap-injap pemancaran yang dibuat oleh EIMAC atau English Electric Valve Co. di bawah tajuk : —

   PEMBEKALAN INJAP-INJAP EIMAC/EEV — TAWARAN BIL.: RTB/03/87 (Supply of EIMAC/EEV VALVE — Tender No.: RTB/03/87).
2. Dokumen-dokumen tawaran boleh!ah diperolehi daripada Jurutera Penguasa RTB semasa waktu bekerja mulai dari pengumuman tawaran sehingga empat hari sebelum tarikh tutup tawaran.

### TAWARAN BIL.: RTB/04/87

1. Tawaran-tawaran akan diterima bagi pembekalan injap-injap pemancaran baru yang dibuat oleh Philips atau Englihh Electric Valve Co. di bawah tajuk :—

   PEMBEKALAN INJAP-INJAP PHILIPS/EEV — TAWARAN BIL.: RTB/04/87 (Supply of Philips/EEV Valves — Tender No. RTB/04/87)
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi daripada Jurutera Penguasa RTB semasa waktu bekerja mulai dari pengumuman tawaran sehingga empat hari sebelum tarikh tutup tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi THE SUPPLY AND DELIVERY OF FOOTWAY JOINTING BOX NO. 0 COVER AND FRAME.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.00 tengah hari 9 Mac, 1987. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran yang terpilih akan dikehendaki menghantar contoh dengan perbelanjaan penender sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 21 hari selepas pemberitahuan.

4. Penendar-penendar yang terpilih dengan perbelanjaan mereka akan dikehendaki untuk memasang dan menunjukkan pengendalian sistem tersebut kepada Pengarah Telekom atau wakil. Contoh contoh sistem akan dikembalikan kepada penendar-penendar yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika penendar-penendar gagal menghadapkan contoh atau gagal memasang dan menunjukkan sistem tersebut dalam masa yang ditentukan tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang bertutup dengan tanda seperti di bawah ini tanpa menunjukkan identiti pemborong:

   TENDER FOR THE SUPPLY AND DELIVERY OF FOOTWAY JOINTING BOX NO.: 0 COVER AND FRAME.

   Tender Ref:
   JTB/STEE(P)/18/86

7. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Telekom, Tingkat 1, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah $200.00 (tidak dikembalikan) dan $1,000.00 (dikembalikan).

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

9. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan CEK TEMPATAN berserta dengan BANK GUARANTEE.

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS

No. 61/1985

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh 1. Chong Syn Shen, 2. Chong Tian Sen, 3. Chong Kiong Hen, 4. Joo Mang Leong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Chong Fight Foon yang telah meniggal dunia di dalam Bandar Seri Begawan dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu dan anak-anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 24 Februari, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 28 Januari. 1987.

## TAWARAN JABATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/06/1987

Tajuk kerja: PENGGANTIAN DUA LIF DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987 (hari Isnin).

Jam: 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Pemborong-pemborong yang berkelayakan sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN ASRAMA-ASRAMA DAN SEKOLAH-SEKOLAH/MAKTAB-MAKTAB 1987-89 JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Syarat-syarat :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-sharikat/Pemborong-pemborong untuk membekalkan bahan-bahan Permakanan Asrama-asrama dan Sekolah-sekolah/Maktab-maktab bagi tahun 1987-89.
2. Pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Jika terdapat ada pemohon-pemohon yang bekerja dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau Syarikat-syarikat Brunei Shell Petro'eum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) atau lain-lain syarikat atau firma, maka permohonannya akan ditolak.
3. Syarikat-syarikat/Pemborong-pemborong yang ada hubungan dengan perkhidmatan permakanan adalah diberi keutamaan dalam membuat tawaran ini.

**Panduan dan Maklumat :**

4. Keterangan lanjut dan borang-borang tawaran boleh diperolehi di Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Pusar Ulak, Jalan Haji Basir, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga hari Isnin 16 Mac, 1987 jam 12.00 tengah hari.
6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa yang tertutup ditanda dengan terang seperti di bawah ini sama ada : —
   - a) "TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN ASRAMA BAGI TAHUN 1987-89 (BAHAGIAN BASAH)"
   - b) "TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN ASRAMA BAGI TAHUN 1987-89 (BAHAGIAN KERING)"
   - c) "TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN SEKOLAH - SEKOLAH /MAKTAB - MAKTAB BAGI TAHUN 1987-89 (BAHAGIAN MAKANAN)"
   - d) "TAWARAN RANCANGAN PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH / MAKTAB - MAKTAB BAGI TAHUN 1987-89 (BAHAGIAN MINUMAN)".
8. Cagaran tawaran adalah seperti berikut : —
   - a) Tawaran Rancangan Permakanan Asrama bagi tahun 1987-89 (Bahagian Basah) ialah sebanyak $500.00 bagi satu asrama.
   - b) Tawaran Rancangan Permakanan Asrama bagi tahun 1987-89 (Bahagian Kering) ialah sebanyak $400.00 bagi satu asrama.
   - c) Tawaran Rancangan Permakanan Sekolah bagi tahun 1987-89 (Bahagian Makanan) ialah sebanyak $200.00 bagi tiap-tiap satu blok.
   - d) Tawaran Rancangan Permakanan Seko'ah bagi tahun 1987-89 (Bahagian Minuman) ialah sebanyak $200.00 bagi tiap-tiap satu blok.

   Cagaran tawaran hendaklah dibayar pada masa mendaftar dan mengambil borang. Cagaran itu akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang tidak berjaya dan jika pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran maka wang cagaran tidak akan dikembalikan.
9. Cagaran tawaran melalui cek-cek tidak akan diterima.
10. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan pada masa mendaftar dan mengambil borang.
11. Pemohon-pemohon mestilah yang tinggal di daerah-daerah tempat Asrama-asrama/Sekolah-sekolah/Maktab-maktab yang dipilih dan mereka tidak dibenarkan memohon di daerah-daerah yang lain.
12. Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Syarikat Perniagaan yang berdaftar, Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang tawaran yang telah diisikan.
13. Berikut adalah masa-masa bagi mendaftar dan mengambil borang-borang tawaran : —

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hari Isnin hingga Khamis | 8.15 pagi | — | 11.30 pagi |
| | 1.30 petang | — | 2.15 petang |
| Hari Sabtu | 8.15 pagi | — | 10.00 pagi |

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 17 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700
MEMBEKAL PAIP BESI MULOR, ALAT-ALAT PENYAMBUNGAN DAN PERKAKAS KHAS BAGI BEKALAN AIR BRUNEI — 1987 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL: JKR 18 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 86AW/00700
MEMBEKAL PAIP-PAIP BESI KELULI, ALAT-ALAT PENYAMBUNG, PERKAKAS KHAS BAGI KAMPONG AYER PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 19 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/26600
CADANGAN 2 BUAH JAMBATAN UNTUK JALAN RAMBAI, MERIMBUN, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 20 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/JPK009
KLINIK PEMULIHAN ANGGOTA DI RUMAH SAKIT TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 21 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal Tempatan untuk:

PROJEK No.: AD506/1101
MEMBEKAL, MENYIMPAN DAN MENGHANTAR TIMBUNAN PAIP BESI KELULI LEMBUT —SEKOLAH MENENGAH LAMBAK — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 22 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/00901
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN PENJARA JERUDONG, JALAN JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 26 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 23 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87AW/03500
MEMBEKALKAN VALVE PENUTUP PINTU AIR, UDARA, PENUTUP LORANG PILI BOMBA DAN KOTAK-KOTAK PERMUKAAN BAGI BEKALAN AIR BRUNEI 1987, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Mac, 1987.

Tarikh tutup: 9 Mac, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 24 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87/03500
MEMBEKALKAN PAIP-PAIP AIR G.I. DAN ALAT-ALAT PENYAMBUNGAN BAGI BEKALAN AIR BRUNEI 1987, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Mac, 1987.

Tarikh tutup: 9 Mac, 1987
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 25 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AW/00700
PEMASANGAN TANGKI AIR GRAP (6M X 5M X 3M) DAN KERJA-KERJA PAIP YANG BERSANGKUTAN DI PERKHEMAHAN UNIT SIMPANAN GURKHA SUNGAI AKAR, NEGARA BRUNEEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 26 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AW/03500
MEMASANG 150MM DAN 100MM PAIP-PAIP AIR BAGI TAMBAHAN BEKALAN AIR, KERJA-KERJA KECIL BAHAGIAN I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 27 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AW/03500
MEMASANG 150MM DAN 100MM PAIP-PAIP AIR BAGI TAMBAHAN BEKALAN AIR, KERJA-KERJA KECIL BAHAGIAN II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 28 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/17302
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 100,000 SQ. METER BAHAN PENAPIS SYNTHETIC TANPA ANYAMAN KE DEPOT SINARUBAI, JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 29 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/17301
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 100,000 LINEAR METER POLYPROPLENE DRAINAGE WICKS KE DEPOT SINARUBAI, JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 30 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/24600
KERJA-KERJA MEMPERBAIKI PARIT YANG SEDIA ADA DI MASJID TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 31 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/25500
KERJA-KERJA MEMPERBAIKI SISTEM PEMBETUNGAN YANG SEDIA ADA DI KOMPLEKS SERI JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 32 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/01800
PENGANGKUTAN PAIP-PAIP PEMBETUNGAN DARI KOTA BATU KE KAWASAN PAIP JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 33 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/00903
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN BANGUNAN KLINIK KAMPONG PULAU BARU-BARU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 34 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk

PROJEK No.: 87AB/00902
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BENGKEL, MENGUBAHSUAI STOR, BILIK-BILIK TANDAS DAN KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DI KLINIK BATU 4½, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 35 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: AD421/0701
MEMBEKAL, MENYIMPAN DAN MENGHANTAR TIMBUNAN PAIP BESI KELULI LEMBUT, SEKOLAH MENENGAH ARAB, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 21 Februari, 1987

Tarikh tutup: 25 Februari, 1987
Cagaran tawaran: $500.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEGAWAI-PEGAWAI KAJIAN (PENYELIA DAN PENEMUDUGA)

ERMOHONAN-permohonan ialah dipelawa dari Pegawai an Kakitangan Kerajaan dan rang-orang awam untuk me-enuhi jawatan-jawatan se-entara sebagai Pegawai-Pe-awai Kajian (Penyelia dan enemuduga) di Unit Peran-ang Ekonomi, Kementerian ewangan, Negara Brunei arussalam bagi Kajian Per-elanjaan Keluarga 1987/988. Kajian peringkat per-ma akan diadakan dari bu-n April hingga Jun 1987:—

ELAYAKAN

ENYELIA

Pemohon-pemohon mestilah rdiri daripada Pegawai dan akitangan Kerajaan dalam ahagian III ke atas. Keuta-aan akan diberikan kepada mohon-pemohon yang mpunyai pengalaman da-n Banci Penduduk, Banci rtanian, Pengkajian Demo-afi dan lain-lain pengkajian ng telah dijalankan dahulu.

NEMUDUGA

Pemohon-pemohon mestilah diri daripada Kakitangan-kitatngan kerajaan dan ang awam yang mempu-ai kelulusan sekurang-ku-ignya lulus Tingkatan/ Form III. Keutamaan adalah diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam Banci Penduduk, Banci Pertanian, Pengkajian Demografi dan lain-lain pengkajian yang telah dijalankan dahulu.

TUGAS

a) PENYELIA

Menghadiri latihan selama lebih kurang 3 hari.

Meninjau kawasan yang diperuntukkan kepadanya bersama penemuduga masing-masing.

Mengawas dan mempastikan Kajian Perbelanjaan itu dilakukan dengan lengkap dan sempurna oleh penemuduga di dalam masa tempoh Kajian itu dijalankan. Kerja-kerja ini dijalankan selepas waktu bekerja biasa sahaja.

b) PENEMUDUGA

Menghadiri latihan selama lebih kurang 3 hari.

Meninjau kawasan yang diperuntukkan kepadanya bersama penyelia masing-masing.

Menemuduga dan seterusnya menyemak butir-butir perbelanjaan harian yang telah diisikan oleh setiap keluarga yang terpilih. Kerja-kerja ini dijalankan selepas waktu bekerja biasa sahaja iaitu selepas 4.30 petang.

PEMBAYARAN

SAGU HATI DAN ELAUN PERJALANAN

Bayaran-bayaran sagu hati seperti berikut akan dibayar kepada calon-calon yang berjaya:—

| | |
|---|---|
| PENYELIA | - $345.00 sebulan. |
| PENEMUDUGA | - $277.50 sebulan. |

Elaun perjalanan akan ditetapkan pembayarannya mengikut jarak jauh seseorang penyelia/penemuduga itu ditugaskan.

BORANG PERMOHONAN

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam atau daripada Pejabat-Pejabat Daerah dan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 25 Februari, 1987, kepada pejabat-pejabat yang tersebut di atas.

Kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berminat hendaklah mengembalikan borang-borang permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan masing-masing.

Borang-borang yang diterima lewat dari tarikh yang dikehendaki tidak akan dipertimbangkan.

Keputusan Penguasa Kajian ke atas permohonan bagi Pegawai-Pegawai Kajian adalah muktamad.

---

### PEMBERITAHUAN TAWARAN
### JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

) Nama projek:

BILANGAN TAWARAN: JKP/02/1987
HOUSING PHASE I AT THE BERUANG RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME

) Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 28 Januari, 1987 hingga hari Selasa 24 Februari, 1987.

0 Kelayakan pemborong: Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

0 Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150.00 (lukisan)

0 Tarikh tutup: Hari Rabu 25 Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari.

0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat 3,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

---

### KENYATAAN TAWARAN
### LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN
### KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

AWARAN-tawaran akan iterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin 16 Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi membekalkan:

"DUA UNIT DETACHABLE CONTAINER TRUCK"

Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan penentuan-penentuan (specification) bagi kenderaan ini bolehlah diperolehi dari Pejabat Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada bila-bila masa pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan berak (sealed), ditulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN" tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Penawar-penawar yang menghantar katalog (gambar) jenis kenderaan yang ditawarkan berserta butir-butir berikut:

i) Tempoh lama pembekalan setelah menerima pesanan;
ii) Harga C.I.F. Brunei (termasuk cukai);
iii) Lama dalam jaminan;
iv) Lain-lain hal jika ada.

5. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

---

### PEMBERITAHUAN TAWARAN
### JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN POS
### BIL.: POS/1/1987

TAWARAN-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 3.00 petang hari Rabu 11 Mac, 1987 bagi membekalkan perkara-perkara berikut untuk kakitangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos:—

a) Kasut Untuk Lelaki (250 pasang)
Jenis: Kulit
Warna: Hitam.

b) Kasut Untuk Perempuan (50 pasang)
Jenis: Kulit
Warna: Hitam.

c) Salipar (Sandal) Untuk Pembersih (20 pasang)
Jenis: Bebas
Warna: Hitam.

2. Penerangan-penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos (Bahagian Kewangan).

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa membubuh sebarang nama pengirim dan sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan:

"SULIT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KASUT UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

---

### PEMBERITAHUAN TAWARAN
### PEMBEKALAN KENDERAAN KEPADA PASUKAN SIMPANAN GURKHA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk pembekalan bagi kenderaan-kenderaan yang berikut:—

a) Sebuah Land Cruiser, Short Wheelbase Hard Top 2300cc, Petrol Engine dengan atau tanpa alat berhawa dingin dan dipasang dengan Cross Country Tyre.

b) Dua buah Land Cruiser, Long Wheelbase, Hard Top 4000cc, Petrol Engine, dengan atau tanpa alat berhawa dingin dan dipasang dengan Cross Country Tyre.

2. Semua kenderaan hendaklah disediakan dengan tali-pinggang keselamatan untuk tempat duduk depan, perkakas kenderaan (tool kits) yang lengkap dan Alat Pemadam Api.

3. Semua kenderaan dikehendaki dicat dengan tiga lapisan warna hijau Pasukan Simpanan Gurkha.

4. Semua kenderaan hendaklah disebutkan harganya sama ada dengan atau tanpa "TUFF KOTE"

5. Semua kenderaan hendaklah disebutkan harganya sebagai CIF Brunei.

6. Tarikh yang akan dibekalkan hendaklah ditunjukkan.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa sebarang tanda dari penawar atau nama. Sampul surat hendaklah ditulis "PEMBEKALAN KENDERAAN KEPADA PASUKAN SIMPANAN GURKHA' disebelah sudut kiri sampul surat tersebut.

8. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke Kotak Tawaran, yang terletak di Tingkat 4, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Mac, 1987.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

---

### PEMBERITAHUAN TAWARAN
### JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
### KEMENTERIAN PELAJARAN

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan:

   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 25 Februari, 1987.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pelajaran,
   Tingkat Satu,
   Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

   Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

| | |
|---|---|
| Selasa-Khamis | 8.00 pagi — 11.00 pagi<br>2.00 petang — 3.00 petang |
| Isnin dan Sabtu | 8.00 pagi — 10.00 pagi |

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

| Bil. Tawaran | Keterangan | Cagaran |
|---|---|---|
| DA/TQ/15/87 | Membekal dan Menghantar Meja dan Kerusi Guru Darjah | $100.00 |
| DA/TQ/16/87 | Membekal dan Menghantar Public Address System | $200.00 |
| DA/TQ/17/87 | Membekal dan Menghantar Air Cooled Engine Test Bed | $200.00 |
| DA/TQ/18/87 | Membekal dan Menghantar AC Wattmeter | $100.00 |
| DA/TQ/19/87 | Membekal dan Menghantar Synchro-Scope | $200.00 |
| DA/TQ/20/87 | Membekal dan Menghantar Portable Pressure (Steam) Cleaning Machines | $100.00 |
| DA/TQ/21/87 | Membekal dan Menghantar Almari Bilik Darjah | $100.00 |
| DA/TQ/22/87 | Membekal dan Menghantar Meja dan Kerusi Tetamu | $100.00 |
| DA/TQ/23/87 | Membekal dan Menghantar Microcomputer, Monitor etc. | $500.00 |
| DA/TQ/24/87 | Membekal dan Menghantar Denford Triac CNC Bench Training Mill | $200.00 |
| DA/TQ/25/87 | Membekal dan Menghantar Profile Cutter Machines | $200.00 |

**Peringatan**

1. Harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan tersebut ke Ibu Pejabat, Stor Kementerian Pelajaran, Pejabat-pejabat Daerah Kementerian Pelajaran Pelajaran dan Maktab-maktab/Sekolah-sekolah di mana perlu.
2. Tiap-tiap satu harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan Customs Duty.
3. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
4. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
5. Tiap-tiap tawaran hendaklah disertakan dengan contoh dan katalog. Jika contoh-contoh itu tidak dapat dimuatkan dalam sampul surat maka hendaklah dihantar ke Unit Penyelaras Tawaran, Bahagian Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhdimatan, Kementerian Pelajaran, Tingkat Satu, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
6. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
7. Sila alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran, Tingkat Satu, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

# Persatuan Pandu Puteri dan sejarahnya di negara kita

PERGERAKAN Pandu Puteri negara ini kini telah mencapai usia sejak 35 tahun penubuhannya pada tahun 1951 di Kuala Belait atas usaha gigih dari Dayang R.C.S. Bell, isteri British Resident yang ketika itu tinggal di Kuala Belait.

Setentunyalah dalam usianya yang sedewasa itu, Persatuan Pandu Puteri seperti juga pergerakan persatuan belia lain di negara ini terus bergerak aktif dan banyak mencatat beberapa perkembangan baik di peringkat negeri atau di daerah-daerah selaras dengan kehendak negara.

Dari catatan yang ada setahun selepas penubuhannya iaitu pada tahun 1952 persatuan tersebut buat pertama kalinya telah menghantar satu kumpulan mengandungi sembilan orang Pandu Puteri dan tiga orang ketuanya ke Singapura bagi menyertai satu perkhemahan di sana.

Pemergian kumpulan itu ke Singapura telah diberikan publisiti yang banyak. Ini telah menimbulkan minat kalangan masyarakat di Daerah Brunei-Muara membentuk kumpulan-kumpulan Pandu Puteri pada 21 April 1954.

Pandu Puteri Daerah Brunei tampil di khalayak ramai buat pertama kalinya pada 24 April 1954 dalam satu perbarisan di kawasan Lapau bagi satu istiadat pengurniaan bintang-bintang kebesaran.

### Ibu pejabat

Bagi menggalakkan perkembangan persatuan itu, Kerajaan telah membenarkan mereka menggunakan bangunan bekas Stor Alat Tulis Kerajaan di Jalan Sultan untuk dijadikan bangunan ibu pejabatnya di Bandar Brunei pada 1 Mei 1954. Keramaian ahlinya dalam kumpulan pertama Bandar Brunei ketika itu seramai 24 orang dan kaptannya, Joyce Bryant dibantu oleh tiga orang Leftenan yang terdiri dari Pengiran Umi Pengiran Metusin, Dayang Cecilia Say dan Dayang Norah Say.

Sebagai sebuah persatuan yang aktif ketika itu, Persatuan Pandu Puteri banyak mengadakan kegiatan yang dianggap boleh mendatangkan faedah kepada ahli-ahlinya, iaitu selain daripada mereka mengadakan perjumpaan biasa dua kali seminggu, ahli-ahli Pandu Puteri juga dibawa melihat cara menuai padi, cara membuat batu-bata dan berkhemah selama seminggu di Pantai Jerudong.

Pada 25 Ogos 1954 iaitu tiga tahun selepas penubuhan Persatuan Pandu Puteri, Brownie Pack pertama ditubuhkan di negara kita yang mengandungi seramai 14 orang kanak-kanak. Dan seterusnya satu lagi kumpulan kedua yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang dibantu oleh Cikgu Pengiran Umi telah ditubuhkan.

Sementara itu perkembangan Persatuan Pandu Puteri di Kuala Belait dan Seria terus berjalan dengan pesat sehinggakan jumlah kumpulan Pandu Puteri dan Brownie yang bergerak tahun 1956 sebanyak lapan buah kumpulan.

Selaras dengan perkembangan yang dicapai, Persatuan Pandu Puteri telah berjaya membina bangunan pejabatnya dengan harga $14,000 di Seria iaitu wang hasil daripada kutipan kegiatan-kegiatan daerah seperti mengadakan Jumble Sale dan sebagainya. Bangunan pejabat baru itu telah dibuka rasmi pada 26 November 1955.

### Dihidupkan semula

Kedudukan Persatuan Pandu Puteri pada awal tahun 1963 menyedihkan kerana semua pasukan yang dibentuk telah tidak bergerak lagi. Walau bagaimanapun pada bulan Ogos tahun berkenaan persatuan ini telah dihidupkan semula di atas bantuan seorang jurulatih Pandu Puteri dari Ibu Pejabat Pandu Puteri di London yang telah datang khusus ke Brunei bagi tujuan itu.

Di atas usahanya itu satu kumpulan kadet yang mengandungi seramai 28 orang guru-guru pelatih telah ditubuhkan di Maktab Perguruan Latihan Brunei di bawah kelolaan Cikgu Zauyah. Selepas itu satu lagi kumpulan baru ditubuhkan di Kampong Sungai Kebun yang dikelolakan oleh Cikgu Aisah dan Hapsah, bekas Pandu Puteri Kumpulan Pertama.

Pada bulan November 1966, Kerajaan telah meluluskan satu jawatan khas di Jabatan Pelajaran untuk pergerakan Pandu Puteri dengan melantik Dayang Zainun Latif sebagai Pesuruhjaya Penyelia Pandu Puteri. Di atas usaha gigihnya beberapa pasukan baru telah dapat ditubuhkan termasuk di Sungai Liang dan di Muara.

### Latihan

Tiga tahun selepas itu iaitu pada tahun 1969 sekumpulan 13 orang ketua-ketua Pandu Puteri diketuai oleh Pesuruhjaya Penyelia telah pergi ke Singapura selama 12 hari bagi menghadiri kursus latihan yang dikendalikan oleh World Trainer, Dayang Karkare atas jemputan Persatuan Pandu Puteri Singapura. Hasil dari pengalaman itu telah menambahkan kegiatan pergerakan Pandu Puteri di negara kita.

Persatuan Pandu Puteri terus bergerak selaras dengan perkembangan yang dicapai oleh negara kita. Tahun 1984 ialah tahun kemerdekaan negara kita dan yang bersejarah bagi Persatuan Pandu Puteri kerana atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Baginda menjadi sebagai Penaung persatuan ini.

Sementara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna sebagai Yang Dipertua.

Penyertaan ahli-ahli kerabat Diraja ini adalah merupakan satu kurnia penghormatan kepada semua ahli-ahli Pandu Puteri, Brownies serta semua yang bersangkut-paut dengannya di seluruh tanahair. Di samping itu akan menjadi galakan kepada Pandu Puteri khasnya dan pertubuhan-pertubuhan belia lain amnya.

### Kompeni baru

Pada bulan April 1984 Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam mula mengadakan pelancaran kempen pengambilan ahli-ahli baru dan penubuhan kompeni baru. Pada tahun 1985 persatuan ini telah berjaya mengumpulkan seramai 1,363 orang ahli seluruh negara yang terdiri dripada 12 Pasukan Pandu Puteri Brunei-Muara dan Temburong, tiga pasukan dari Daerah Tutong dan empat pasukan dari Belait. Sementara Brownies tujuh pasukan dari Brunei-Muara dan Temburong dan dua pasukan dari Tutong.

Bertambahnya keahlian persatuan ini dari setahun ke setahun telah melancarkan lagi kegiatannya baik di dalam mahupun di luar negeri.

Ini terbukti pada 14 hingga 20 Disember 1985 beberapa Pasukan Pandu Puteri telah menyertai jambori antarabangsa di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap di sini.

Selain itu seramai dua orang ketua Pandu Puteri telah menyertai Perhimp... Ken Mas di Pulau Pin... pada 10 hingga 17 April 19... Di sambutan Tahun Belia Antarabangsa iaitu semp... menyambut 75 tahun Pan... Puteri di Kota Kinab... negara kita juga tel... menghantar lima orang Pan... du Puteri. Di samping ... pada 7 hingga 20 Ogos tah... yang sama kita ju... menghantar seramai ... orang Pandu Puteri dan ... orang ketua bagi menye... Perkhemahan Magic 85 ... Malvern United Kingdom.

Baru-baru ini pula Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam tel... menerima kunjungan d... Pesuruhjaya Antarabangsa Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang juga seb... wakil World Association G... Guides and Girl Scouts (WAGGS) Puan Haj... Halimah bagi meneliti p... jalanan Persatuan Pandu Puteri dalam permohonan menjadi ahli dunia WAGGS.

Dalam pada itu be... berharap perjalanan dan pe... tadbiran Persatuan Pan... Puteri di negara ini ak... dapat memenuhi syarat-sya... dan kehendak-kehend... badan dunia tesebut.

Penubuhan Persatuan Pan... du Puteri bertujuan pada a... nya bagi menolong memb... tuk keperibadian ya... berhemah tinggi, berdis... serta gigih pada mengha... apa jua corak kehidupan.

Oleh itu beruntung... mereka yang menyed... hakikat ini. Dan ki... mengharapkan anggota Per... satuan Pandu Puteri ak... terus bertambah dari mas... semasa, kerana kita ... melalui persatuan ini d... kegiatannya pembentuk... diri dan disiplin ahli-ahli... terus disemai untuk men... anggota masyarakat ya... berguna.



GAMBAR merakamkan ketika Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna melafazkan ikrar untuk menjadi Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika menyaksikan salah sebuah pameran.



KELIHATAN sebahagian daripada ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri ketika menjalankan kegiatan luar.

## Tabung Orang-Orang Cacat terima derma

BERAKAS. — Tabung Kebangsaan Orang-Orang Cacat Negara telah menerima sumbangan derma sejumlah $2,400 pada 26 Januari lepas.

Sumbangan derma itu adalah sebahagian daripada hasil jualan kraftangan pengusaha-pengusaha wanita Indonesia yang diadakan di sini awal Disember lepas dan telah disampaikan oleh Isteri Duta Republik Indonesia, Puan Boesna Z. Djamal kepada Pemangku Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, bertempat di pejabatnya di sini.

Penyampaian derma itu telah disaksikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Abdul Rahman bin Haji Mohiddin serta pegawai-pegawai di jabatan berkenaan.



ISTERI Duta Besar Republik Indonesia, Puan Boesna Z. Djamal menyerahkan derma kepada Pemangku Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



Kelolaan Abd. Karim HAB dan Haniza Abdullah

# BELIA & SUKAN



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

# BELIA & SUKAN

## Kegiatan sukan di sana sini

### Skim latihan b-sepak bagi kanak-kanak 13 tahun

PERSATUAN Bola Sepak Amatur Daerah Belait (BDAFA) akan menganjurkan skim latihan bola sepak bagi kanak-kanak berumur 13 tahun kebawah di daerah tersebut.

Menurut jurucakap persatuan itu, skim tersebut dijangka akan bermula pada awal bulan Mac depan.

Borang-borang serta keterangan lanjut mengenai skim tersebut boleh didapati sekarang dari Awang Ismail bin Apong, di Kompleks Sukan Mumong; Abang Haji Morshidi bin Abang Haji Suhaili di Jabatan Pelajaran; Awang Haji Muhammad bin Mokti di Maktab Anthony Abell, Seria dan Awang Zaini bin Osman di Lembaga Bandar Kuala Belait. Tarikh tutup menghantar borang ialah pada 24 Februari 1987.

### Persatuan Lumba Perahu adakan majlis perjumpaan

AHLI-AHLI Jawtankuasa sementara Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan akan mengadakan majlis perjumpaan pada 14 Februari depan bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bermula jam 9.00 pagi.

Mereka yang berminat untuk memasuki persatuan itu bolehlah mendapatkan borang yang boleh diperolehi daripada Setiausaha Agung persatuan itu di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, di Lapangan Terbang Lama Berakas.

### Kejohanan Olahraga bagi Batalion Kedua

BATALION Kedua Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengadakan Kejohanan Olahraga selama dua hari bertempat di padang batalion tersebut minggu lalu.

Kejohanan itu telah dirasmikan oleh Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abd. Aziz.

Seramai lebih 100 orang anggota batalion tersebut telah menyertai kejohanan tersebut.

## Bagi lahirkan pengadil bertauliah:

# 5 pengadil sepak takraw berkursus di Singapura



SETIAUSAHA Pestabaru, Pengiran Haji Metassan bersalaman dengan Encik Mahmud Awang, Ketua Pengadil ASTAF dalam pertemuan di Singapura baru-baru ini.

SERAMAI lima orang pengadil sepak takraw daripada Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam, PESTABARU, akan menyertai kursus intensif pengadil di Republik Singapura.

Mereka yang akan menyertai kursus itu ialah Awang Haji Pulau bin Serudin, Awang Ibrahim bin Amit, Awang Tarif bin Haji Ladis, Awang Abu Bakar bin Kassim dan Awang Haji Mohin bin Jaafar.

Setiausaha Kehormat PESTABARU, Pengiran Haji Metassan Pengiran Bakar berkata kursus itu dikendalikan oleh Pegawai-Pegawai Persatuan Sepak Takraw Amatur Singapura, PERSIS, yang diketuai oleh Encik Mahmud Awang, Ketua Pengadil Persekutuan Sepak Takraw Asia, ASTAF.

Kursus ini menurutnya adalah 'follow up' daripada rundingan dengan Encik Mahmud Awang semasa menghadiri mesyuarat ahli-ahli jawatankuasa eksekutif ASTAF di Bangkok bulan September tahun lepas.

Setiap ahli anggota ASTAF mempunyai kuota sebanyak 10 orang pengadil di peringkat ASTAF.

Ketika ini, PESTABARU, katanya belum mempunyai pengadil bertauliah daripada ASTAF di mana setiap ahli sekurang-kurangnya menghantar dua orang pengadil dalam setiap kejohanan sepak takraw antarabangsa.

"Pada masa ini Negara Brunei Darussalam belum mempunyai pengadil yang bertauliah dari ASTAF. Sedangkan kita diperlukan menghantar dua orang pengadil yang bertaraf sedemikian untuk tiap-tiap kejohanan sepak takraw antarabangsa," jelasnya.

Beliau menambah sebaik saja pengadil-pengadil itu pulang, PESTABARU dijangka akan mengendalikan kursus pengadilan peringkat kebangsaan dengan mengundang persatuan-persatuan, kelab-kelab sukan, yang telah menyertai kejohanan sepak takraw anjuran PESTABARU.

## PKPB juara b-sepak 7 orang sepasukan

PERSATUAN Kampong Pandai Besi, PKPB, muncul sebagai juara bola sepak tujuh sepasukan setelah menewaskan Pasukan PLO Bintang Tujuh dari Kampong Pekan Lama 3-0 dalam perlawanan akhir yang berlangsung di Padang Kebajikan, Belia dan Sukan Berakas pada 29 Januari lepas.

Tempat ketiga disandang bersama oleh Montivedio FC dari Kampong Lorong Dalam dan Kampong Sungai Asam FC.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Persatuan Kampong Pandai Besi itu disertai oleh 18 buah pasukan yang terdiri dari penduduk-penduduk di sekitar Mukim Burong Pingai Ayer.



SETIAUSAHA Agung MBB, Pengiran Suhaimi Pengiran Wahid diperkenalkan kepada pemain-pemain sejurus sebelum perlawanan bermula. — Gambar ihsan PKPB.

## Kalendar sukan Jabatan Pelajaran bulan Feb dan Mac

BAHAGIAN Kegiatan Luar Unit Jasmani, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran telah menyusun beberapa acara sukan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Antara acara-acara sukan yang disusun oleh unit itu termasuklah bola sepak, sepak takraw, rentas desa, senaman dan olahraga.

Untuk kegunaan bagi sekolah-sekolah di seluruh negara di sini disertakan satu rajah mengenai kalendar sukan bagi bulan Februari dan Mac (lihat rajah kanan).

| TARIKH | AKTIVITI KEGIATAN LUAR | | BHG | PENTADBIRAN/TUAN RUMAH | |
|---|---|---|---|---|---|
| | JENIS | PERKARA | | DAERAH | NEGARA |
| 12-2-1987 | Perlawanan bola sepak | Tarikh tutup pendaftaran peringkat daerah | R | — | — |
| 19-2-1987 | Perlawanan bola sepak | Tarikh tutup pendaftaran peringkat daerah | M | — | — |
| 7-3-1987 | Perlawanan bola sepak | Peringkat daerah bermula | R | Brunei I - SR Pintu Malim<br>Brunei II - SR A Pahlawan<br>Brunei III - SR Kilanas<br>Brunei IV - SR Lumapas<br>Tutong I - SR PDN. PJ. Sengkarai<br>Tutong II - SR AR. Tg. Maya<br>Belait - SR Mohd. Alam<br>Temburong - SR Puni | — |

R — Sekolah-sekolah Rendah
M — Sekolah-sekolah Menengah

# Penerbitan buku-buku kini diberi perhatian serius

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi berkata, kesedaran terhadap kepentingan buku telah lama disedari oleh beberapa negara di rantau ini, bagaimanapun sebahagiannya pula baru sedar betapa penerbitannya penting diberi perhatian serius.

Beliau berkata faktor utama yang menjadi penghalang kelancaran penerbitan buka ialah ketiadaan penulis, ketiadaan minat, pendorong, penulis-penulis yang berwibawa dan ketiadaan tenaga-tenaga pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Bercakap ketika merasmikan pameran buku-buku yang diselenggarakan oleh British Council bertempat di Bilik Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara pada 2 Februari lepas, Awang Haji Ahmad menambah, pada masa ini di negara-negara barat pengeluaran dan penerbitan buku bukan menjadi salah satu industri terpenting malah ianya berjaya meladani tuntutan dan keperluan dunia akademik.

Menurutnya lagi pameran selama lima hari itu jelas memberi gambaran kepada kita betapa kemajuan dan pembangunan teknologi penerbitan sedang berkembang di British khususnya yang sedang rancak dalam dunia pengeluaran dan pemasaran buku dewasa ini.

Terdahulu dari itu ialah ucapan alu-aluan disampaikan oleh wakil British Council di negara ini, Awang David Elliot yang berkata bahawa tujuan pameran itu untuk menghidupkan semula semangat membaca di samping untuk meningkatkan lagi bidang pelajaran di antara Britain dengan negara-negara luar.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi sedang meneliti buku-buku yang dipamerkan sejurus selepas perasmian. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

## Sambutan Hari Kebangsaan

Dari muka 1

Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan 1987.

Tema sambutan tahun ini ialah 'Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan' yang sesuai dengan aspirasi bangsa kita. Menurut Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas, konteks bersatu di sini ialah rakyat dan penduduk tidak kira bangsa dan ugama tetap bergabung menjadi satu, kemudian dengan menyedari konsep bersatu maka keamanan tetap didukung bagi membolehkan kita menikmati kemajuan dan pembangunan.

"Tema ini juga dihasratkan sebagai lanjutan kepada tema sambutan tahun lalu iaitu 'Membangun Negara Tanggungjawab Bersama' dan dengan adanya pembangunan yang telah dilaksanakan maka beberapa kemajuan akan dapat dicapai.

# Lawatan ke tiga negara ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berlepas ke Singapura pada 8 Februari lepas bagi memulakan satu lawatan rasmi selama sembilan hari ke tiga buah negara ASEAN iaitu Singapura, Indonesia dan Malaysia.

Lawatan itu bertujuan bagi mempereratkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang sedia ada dengan negara-negara yang akan dilawati.

# Tingkatkan k'sama di bidang ekonomi

Dari muka 1

ahli rombongan di Bilik Taklimat, Unit Perancang Ekonomi pada pagi 9 Februari lepas.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi itu seterusnya menjelaskan barang-barang keluaran utama yang diimport dalam tahun dua musim itu ialah barangan siap, kenderaan dan jentera serta peralatan pengangkutan. Sebahagian dari barangan utama itu terdiri dari bahan-bahan besi, kenderaan bermotor dan pelbagai bentuk mesin.

Taklimat berkenaan adalah sebahagian aturcara Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Reimut Jochimsen dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Di hari yang sama, Tuan Yang Terutama telah diperkenankan mengadap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan mengadap Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan, di Plaza RBA.

PELITA BRUNEI difahamkan tujuan lawatan itu adalah bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua buah negara di samping meninjau peluang kerjasama di bidang ekonomi.

## Rancangan Harian sambutan Hari Kebangsaan Brunei Darussalam

AHAD 22 FEBRUARI, 1987 — Sembahyang Maghrib berjemaah, membaca Surah Yassin, doa Hari Kebangsaan dan seterusnya sembahyang Isyak di masjid-masjid utama di seluruh negara dari jam 6 petang hingga 8 malam.

ISNIN 23 FEBRUARI, 1987 — Perbarisan Hari Kebangsaan bermula dari jam 8 pagi bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

SELASA 24 FEBRUARI, 1987 — Pembukaan Rasmi Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Pameran 'Perhubungan' bermula jam 8.30 pagi bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

RABU 25 FEBRUARI, 1987 — Pembukaan Rasmi Co-Generation Plant Lumut bermula jam 9 pagi bertempat di Lumut, Seria.

Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Pameran 'Perhubungan' dari jam 10 pagi hingga 9 malam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Persembahan Malam Kebudayaan bermula dari jam 8 malam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

KHAMIS 26 FEBRUARI, 1987 — Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Pameran 'Perhubungan' dari jam 10 pagi hingga 9 malam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Majlis Membaca Al-Quran 31 juzuk dan Syarahan Kemerdekaan anjuran Persatuan IQRA bermula jam 6 petang bertempat di Dewan Bangunan IQRA, Manggis I, Jalan Muara.

JUMAAT 27 FEBRUARI, 1987 — Pembukaan Rasmi Masjid Kampong Masin pada jam 11.30 pagi bertempat di Kampong Masin, Jalan Mulaut.

Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Pameran 'Perhubungan' bermula jam 10 pagi hingga 9 malam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

SABTU 28 FEBRUARI, 1987 — Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Pameran 'Perhubungan' bermula jam 10 pagi hingga 9 malam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

AHAD 1 MAC, 1987 — Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Pameran 'Perhubungan' bermula dari jam 10 pagi hingga 9 malam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

ISNIN 2 MAC, 1987 — Pameran Memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan Pameran 'Perhubungan' bermula dari pukul 10 pagi hingga 9 malam bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

## RAMALAN CUACA ←-- minggu ini --→

KEADAAN cuaca di negara kita pada kebanyakan masa minggu ini, berkeadaan redup pada awal pagi di samping hujan renyai-renyai, berdekatan pantai dan pada awal petangnya pula sebahagiannya redup. Angin Timur-Laut dari 5 — 20 km/satu jam di darat. Keadaan laut berombak dari 0.5-1.5 meter.

Ramalan cuaca ini adalah dari 10 Feb. hingga 17 Feb. 1987.

## JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

| Tarikh | Air Pasang Penuh (jam) | Paras Air (meter) | Air Surut Penuh (jam) | Paras Air (meter) |
|---|---|---|---|---|
| 11/12 | 2137 | 2.3 | 0555 | 0.5 |
| 12/12 | 2222 | 2.4 | 0627 | 0.5 |
| 13/12 | 2310 | 2.4 | 0715 | 0.5 |
| 14/12 | 2355 | 2.4 | 0720 | 0.5 |
| 15/12 | 0038 | 2.3 | 1729 | 1.4 |
| | 1450 | 1.5 | 0742 | 0.6 |
| 16/12 | 1437 | 1.6 | 0801 | 0.7 |
| | 1804 | 1.4 | — | — |
| 17/12 | 0120 | 2.2 | 0818 | 0.9 |
| | 1400 | 1.7 | 1926 | 1.2 |

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi Bandar Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti yang tertara di atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut dicampur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong waktu air pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ditolak 30 minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu air pasang hendaklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak 30 minit.

WALLAHUAKLAM.

## Keputusan peperiksaan Brunei - Cambridge lanjutan 1986

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai lapan orang calon telah lulus dengan memperolehi empat mata pelajaran peringkat lanjutan dan satu di peringkat biasa dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan, 1986.

Pencapaian kelulusan tersebut adalah yang terbaik dicatat oleh mereka dari sejumlah 480 orang calon dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong.

Dari keseluruhan keputusan peperiksaan tersebut yang telah dikeluarkan minggu ini oleh Bahagian Peperiksaan, Kementerian Pelajaran menunjukkan, seramai 332 calon memperolehi sekurang-kurangnya satu mata-pelajaran di peringkat lanjutan, iaitu 69.17 peratus.

Sementara seramai 125 calon yang lain hanya memperoleh sekurang-kurangnya satu mata-pelajaran di peringkat biasa iaitu 26.04 peratus, dan 23 calon lagi gagal dengan jumlah peratus 4.79.

Calon-calon persendirian seramai 77 orang yang menduduki peperiksaan tersebut cuma 26 orang iaitu 33.77 peratus yang berjaya memperoleh sekurang-kurangnya satu mata-pelajaran peringkat lanjutan. Seorang dari calon berkenaan memperoleh dua peringkat lanjutan dan satu peringkat biasa.

Seramai 26 calon yang lain iaitu 33.77 peratus lulus dengan sekurang-kurangnya satu mata-pelajaran peringkat biasa, sementara 25 calon lagi iaitu 32.46 peratus telah gagal.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.